

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"SELAKU syiar, ia tidak boleh rendah dari yang lain-lain, tidak wajar ia berada di bawah sedang yang lain di atas. Hanya namanya saja pun, meletakkannya tidak boleh di bawah. Ini bukanlah sentimen, tetapi sejujurnya sebagai hak kerana namanya. Nama (Islam) itu adalah tiada duanya, menjadi kewajiban kita menghormatinya, sama seperti menghormati, siapa yang ampunya agama itu sendiri, iaitu Allah Subhanahu Wata'ala."
- Titah Sempena Majlis Hafl Al-Takharuj Ke-2 UNISSA.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN orang yang bersabar serta memaafkan (kesalahan orang lain terhadapnya), sesungguhnya yang demikian itu adalah daripada perkara-perkara yang sangat utama untuk dilaksanakan (digalakkan oleh syariat)."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah asy-Syura, ayat 43).

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.33	6.29	7.39

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 102

26 OGOS 2017 / 1438 ذوالحجه 3

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

# Ilmu Al-Quran bimbing masyarakat ke arah kebajikan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Masri Osman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda, menuntut ilmu adalah fardu kifayah ke atas setiap Muslim termasuk amanah dan tuntutan untuk menyebarkannya kepada masyarakat umum.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota bersabda demikian pada Majlis Haflut Takharuj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Kali Kelima Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Ini sabda Duli Yang Teramat Mulia, lebih-lebih lagi ilmu tersebut bersumberkan dari Al-Quran sebagai kitab teragung dan suci dan bukan ilmu biasa.

Dengan tersebarnya ilmu Al-Quran, sabda DYTEM, bukan sahaja kejahilan boleh dihapuskan, malahan lebih penting lagi, penyebarannya pasti dapat membimbing masyarakat untuk sentiasa membuat perkara yang lebih berkebaikan sehingga dapat melahirkan semua peringkat masyarakat yang benar-benar menjunjung kitab suci Al-Quran serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Ke muka 3

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Haflut Takharuj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Kali Kelima Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Masri Osman.



# Industri halal jana pendapatan sekitar BND88 juta

Berita : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

JERUDONG, Rabu, 23 Ogos. - Promosi produk dan perkhidmatan Halalan Thayyiban merupakan kewajiban beragama atau fardu kifayah dalam memenuhi keseimbangan kepada masyarakat yang lebih luas dan mengongsikan imej positif Islam.

Perkembangan sektor tersebut di Negara Brunei Darussalam dalam jangka waktu lima tahun kebelakangan terus meningkat.

Menurut laporan 'Global Islamic Economy' 2017 yang dikeluarkan oleh Thomson Reuters telah mencatatkan peningkatan dari kedudukan ke-17 pada tahun 2016 kepada kedudukan ke-12

pada tahun 2017.

Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar menyatakan perkara itu semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Brunei Halal Showcase (BruHAS 2017) anjuran bersama Jabatan Tenaga dan Perindustrian, JPM dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang diadakan di Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong, di sini.

Ke muka 9



Muka 7

MUHD. Fida'iy terlepas pingat gangsa



Muka 10

DAERAH Tutong tarik 1,680 pengunjung pada 2016

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept\_bn



Jabatan Penerangan

Jabatan Penerangan

Jabatan Perdana Menteri



Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta

40 Hari Lagi

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline : 2382891 / 2383400 Smb. : 217

Faksimile : 2381004

Layari Laman Web : www.pelitabrunei.gov.bn

# Teknologi mudah alih tingkat pengalaman pembelajaran pelajar

Bismillahir Rahmannir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

**S**AYA gembira bersama dengan awda hari ini di Simposium Antarabangsa Politeknik Brunei Ke-3 2017. Izinkan saya memulakan dengan mengucapkan selamat datang kepada dua pembicara yang telah didatangkan dari luar negara untuk berkongsi pendapat dan pandangan mereka dengan kita. Profesor Madya Mark Pegrum dari University of Western Australia, Perth; Encik Don Carlson dari Microsoft Asia Pasifik dan juga penceramah utama kita, Dr. Abbas Sebihi CIM Pakar dari Jerman, SEAMEO VOCTECH.

Sekitar 200 pensyarah, pendidik, guru sekolah menengah dan sekolah rendah dari pelbagai institusi pendidikan tinggi dari Politeknik Brunei, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengambil bahagian dalam simposium tahun ini, yang mencerminkan peristiwa yang sangat relevan kepada pendidik secara umum.

Saya percaya simposium ini akan menyediakan platform yang sangat baik untuk pertukaran maklumat mengenai kebanyakan amalan pengajaran dan pembelajaran yang inovatif antara kedua-dua penyampai dan peserta.

Tema 'Pembelajaran Mudah Alih dan Inovasi dalam Teknologi' dalam simposium tahun ini pastinya menjadi subjek yang menarik sejajar dengan kemajuan teknologi dalam dunia yang sentiasa berubah sekarang dan sebagai persiapan menghadapi cabaran yang dihadapi oleh kita semua, pada Abad Ke-21.

Ia memerlukan teknologi untuk melaksanakan pembelajaran mudah alih. Selama bertahun-tahun, Kementerian Pendidikan, Brunei telah berkongsi usahanya dalam menyediakan pendidikan berkualiti dan menaikkan piawai dalam pengajaran berkualiti melalui inovasi pendidikan. Inovasi pendidikan adalah salah satu platform utama untuk menyediakan pendidikan berkualiti, dikongsi oleh semua sektor pendidikan, institusi, swasta, awam, arus perdana atau khusus. Apa platform yang lebih baik untuk memulakan inovasi daripada memulakan pembelajaran mudah alih dan inovasi dalam teknologi, yang kini telah menyebabkan minat global yang berterusan dalam kalangan orang-orang dalam era digital.

Pendidikan melalui teknologi pembelajaran mudah alih telah berkembang melalui inovasi dan membolehkan pelajar kami menguruskan dengan perubahan teknologi hari ini. Pelajar hari ini harus menjadi pemikir kritikal yang bebas, sangat inovatif dan



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada Simposium Antarabangsa Politeknik Brunei Ke-3 2017 dengan tema 'Pembelajaran Mudah Alih dan Inovasi dalam Teknologi' pada 22 Ogos 2017 di Orchid Garden Hotel.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Haji Mirazman bin Haji Othman

sentiasa bersedia menghadapi apa yang ada untuk mereka. Masa depan kini telah tiba bagi kita untuk merangkul perubahan yang telah dibawa oleh teknologi. Oleh itu, amat penting bagi pendidik untuk melengkapkan dan menyediakan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan melalui penggunaan teknologi dan pembelajaran mudah alih untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar.

Di dunia di mana teknologi moden berkembang pesat, teknologi komunikasi tanpa wayar telah menjadi bahagian penting dalam persekitaran harian kita. Telefon mudah alih dengan keupayaan tinggi dilanjutkan ke dalam semua bidang kehidupan manusia, ia dijangka bahawa peranti tanpa wayar ini menjadi boleh diakses untuk semua. Akses kepada peranti mudah dan canggih itu telah mengubah landskap proses pembelajaran kita dalam pelbagai cara.

Penggunaan pembelajaran mudah alih sudah tentu, satu konsep yang agak baharu dalam bidang pendidikan terutamanya di rantau ini dan Brunei Darussalam adalah tidak terkecuali. Dalam hal ini, kini menjadi relevan bagi pelajar dan pendidik untuk berkongsi apa yang berfungsi

dan apa yang tidak berfungsi apabila menggunakan peranti pembelajaran mudah alih.

Oleh itu bagi sektor pendidikan di Brunei, cabaran utama bagi pendidik dan tenaga pengajar ialah bagaimana untuk membangunkan bahan-bahan pembelajaran untuk penyampaian yang berkesan menggunakan peranti mudah alih. Bahan pembelajaran sepatutnya dalam ketangkasan pembelajaran yang boleh diuruskan dan harus menggunakan multimedia. Lebih-lebih lagi, disebabkan perkembangan pantas dan keupayaan peranti mudah alih yang berubah-ubah, bahkan merupakan satu cabaran yang lebih besar bagi setiap orang untuk melakukan penyelidikan dan projek lengkap untuk mengetahui amalan terbaik dalam pembelajaran mudah alih.

Tidak dapat dinafikan, generasi hari ini berkembang menjadi lebih bertenaga teknologi daripada generasi terdahulu. Di antara semua peranti komunikasi moden, telefon bimbit mungkin salah satu medium komunikasi yang paling berkuasa, bahkan lebih kaya daripada e-mel atau chat kerana ia boleh bertindak sebagai peranti pembelajaran walaupun batasan teknikalnya. Oleh itu, pelajar dapat mengawal proses pembelajaran dan kemajuan di ruang sendiri berdasarkan keadaan kognitifnya.

Jadi tema simposium, 'Pembelajaran Mudah Alih dan Inovasi dalam Teknologi' memang relevan, kerana ia menawarkan penyebaran maklumat, kemahiran dan pengetahuan yang diberikan dari pengalaman para inovator pendidikan dari pelbagai sektor. Oleh itu, pendidik kami hari ini perlu diberi peluang untuk menjadi berani dan menggunakan inovasi untuk meningkatkan pembelajaran, dan tidak takut akan kemajuan teknologi ini.

Saya yakin bahawa para peserta hari ini akan mendapat banyak manfaat daripada simposium ini dengan harapan untuk memastikan kesesuaiannya dan daya saing di Abad Ke-21. Adalah penting bagi kami untuk mempunyai pemacu untuk terus berinovasi dan meningkatkan amalan pendidikan inovatif melalui pembelajaran mudah alih atau inovasi teknologi atau pembelajaran teknologi kreatif yang lain.

Memandangkan penerapan teknologi mudah alih semakin meningkat dan berleluasa dalam kehidupan, dan memainkan peranan penting dalam mempelajari dimensi pengetahuan yang berbeza, menjadi semakin jelas perubahan dari pengajaran yang diterajui oleh guru kepada pembelajaran yang dipimpin pelajar yang menjadikan pelajar menggunakan teknologi dengan cara yang lebih cekap dan pintar. Seperti yang kita semua sedia maklum, tekanan pengajian dan tarikh akhir tugasan boleh membawa pelajar untuk mencari penyelesaian yang berkesan semasa bergerak.

Ke muka 11

Dari Sidang Pengarang.

26 OGOS 2017 BERSAMAAN 1438 ذوالحججه 3

## INDUSTRI HALAL BERPOTENSI BESAR UNTUK DITEROKAI

**K**ERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sejak sekian lama sudah menekankan akan perlunya untuk mempelbagaikan ekonomi dan mengurangkan bergantung kepada sumber asli minyak dan gas sebagai pendapatan negara.

Justeru, pelbagai inisiatif dilaksanakan dengan memberi banyak insentif untuk menggalakkan perkembangan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) termasuk industri halal yang dikenal pasti mempunyai potensi yang sangat besar untuk diterokai.

Inisiatif-inisiatif berkenaan mula menampakkan hasil yang positif apabila menurut Laporan Global Islamic Economy 2017 oleh Thomson Reuters menyatakan negara pada masa ini berada pada kedudukan 12 dari 73 negara.

Perkembangan ini menunjukkan negara dalam kedudukan yang lebih baik berbanding kedudukan ke-17 tahun lepas. Kenaikan kedudukan negara banyaknya disumbangkan oleh pertumbuhan perjalanan halal dan prestasi yang kukuh dalam pembangunan ekosistem makanan halal.

Perkembangan positif terus boleh dilihat apabila sehingga penghujung tahun 2016, seperti yang dinyatakan oleh Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar pada Majlis Perasmian Brunei Halal Showcase (BruHAS 2017) anjuran bersama Jabatan Tenaga dan Perindustrian, JPM dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) baru-baru ini bahawa industri halal tempatan berjaya menjana pendapatan sekitar BND88 juta. Penjana pendapatan tersebut dihasilkan oleh 35 buah syarikat dengan tenaga kerja 835 orang yang majoriti terdiri daripada sektor makanan halal.

Ini membuktikan bahawa negara sangat berpotensi untuk menerokai lebih jauh industri halal kerana industri ini bukan hanya tertumpu kepada sektor pemakanan, bahkan ia meliputi ke bidang-bidang yang lebih luas lagi seperti perubatan dan gaya hidup.

Justeru, adalah sangat penting untuk mewujudkan peluang serta ekosistem untuk MSMEs tempatan yang membolehkan mereka masuk dan berkembang maju dalam sektor halal. Ini adalah sama ada dengan menambah baik keberkesanan mendapatkan sijil Brunei Halal, meningkatkan kesedaran mengenai standard yang perlu dicapai untuk mendapatkan sijil dan mewujudkan kolaborasi di antara MSMEs dan Pelabur Langsung Asing (FDI) dalam sektor halal. Kolaborasi berkenaan akan memberi manfaat kepada MSMEs tempatan dengan adanya sokongan antarabangsa dan aktiviti ekonomi dari FDI.

Industri halal sudah menunjukkan potensinya dan kebanyakan ekonomi di peringkat global berlumba-lumba untuk menerokai industri ini dan menjadikannya sebagai salah satu sumber utama pendapatan mereka.

Dalam usaha untuk mempelbagaikan ekonomi negara, kita seharusnya mengambil peluang yang diberikan ini dan marilah mendukung inisiatif kerajaan agar negara akan terus menerima serta menikmati hasil yang positif jua. - **Ketua Penyuntingan (Ss).**

Ramalan Cuaca 3 Hari			
SABTU	AHAD	ISNIN	
32°C	25°C	31°C	25°C
32°C	25°C	31°C	25°C
32°C	25°C	31°C	25°C
32°C	25°C	31°C	25°C
32°C	25°C	31°C	25°C
32°C	25°C	31°C	25°C
32°C	25°C	31°C	25°C

## WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:  
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi OGOS	HARI	Hijrah ZULHIJJAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
26	SABTU	3	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.33	6.29	7.39
27	AHAD	4	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.32	6.29	7.39
28	ISNIN	5	4.46	4.56	6.15	6.37	12.23	3.32	6.28	7.38
29	SELASA	6	4.46	4.56	6.15	6.37	12.22	3.31	6.28	7.38
30	RABU	7	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27	7.37
31	KHAMIS	8	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.29	6.27	7.37
1	JUMAAT	9	4.46	4.56	6.14	6.37	12.21	3.28	6.27	7.36

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN**

AMBULANS **991** | POLIS **993** | BOMBA **995** | PENYELAMAT **998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

**123**

NDMC  
**2380214**



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat pada Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Kali Kelima Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

**Dari muka 1**

Terdahulu, DYTМ bersabda, Program Pengajian Diploma 'Aliyah Qiraat Institut Tahfiz telah menjangkau usia tujuh tahun. Dalam tempoh tersebut, ianya telah melahirkan ramai Huffaz negara atau graduan muda yang jelas komited dalam memartabatkan ayat-ayat suci Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam hal tersebut, DYTМ bersabda melahirkan perasaan gembira mengetahui bahawa Institut Tahfiz telah juga mengorak langkah ke arah memperluaskan lagi bidang pengajian Al-Quran yang berbentuk ilmiah dan seni seperti Tarannum Al-Quran.

Melalui jalinan kerjasama akademik dengan Universiti Islam Sultan Sharif Ali, sabda DYTМ, para graduan Diploma 'Aliyah Qiraat berpeluang pula meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi di dalam negara melalui program Sarjana Muda Tahfiz dan Qiraat.

"Justeru, para graduan Diploma 'Aliyah Qiraat disaran untuk seterusnya merebut peluang keemasan tersebut. Harapan kita ialah para graduan dapat memanfaatkan sebaiknya ilmu yang diperolehi supaya boleh berbakti kepada negara. Ini termasuk mengajarkan dan mengembangkan ilmu Al-Quran, khasnya kepada saudara seagama dan

masyarakat awam secara umumnya," sabda DYTМ.

Perkara itu sabda DYTМ, amat bersesuaian dengan peranan seorang Hammalatul Quran atau 'Pembawa Al-Quran' yang berupaya mencetus inspirasi kepada masyarakat untuk lebih dekat dan berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran melalui syiar penyebarannya sepertimana maksud Surah Maryam, ayat 97 :

"Maka sesungguhnya telah kami mudahkan Al-Quran itu dengan bahasamu agar kamu dapat memberi khabar gembira dengan Al-Quran itu kepada orang-orang yang bertakwa dan agar kamu memberi peringatan

dengannya kepada kaum yang membangkang."

Dalam pada itu, DYTМ seterusnya bersabda, ke arah mempersiapkan para graduan secara menyeluruh, adalah penting bagi mereka untuk dibekalkan dengan kemahiran diri melalui disiplin pendidikan yang selari dengan tuntutan zaman seperti kepimpinan dan keusahawanan.

"Keupayaan ini sedikit sebanyak akan dapat membentuk graduan yang mempunyai sahsiah dan keperibadian yang berintegriti tanpa bergantung sepenuhnya kepada bantuan dan ihsan kerajaan. Sebaliknya mereka ini pula dapat menjana peluang-peluang pekerjaan kepada orang lain dalam berbagai bidang yang relevan dengan keperluan semasa.

Perlu diingat, apapun bidang pekerjaan yang diceburi, ianya akan lebih mempunyai nilai dan dipandang tinggi di sisi masyarakat jika pengemudinya itu seorang yang berjiwa Al-Quran, mahir dalam bacaan dan ilmu-ilmu Al-Quran, khatam hafaz Al-Quran dan seorang yang tsabit hafazan 30 Juzuk Al-Quran," sabda DYTМ.

Dalam sabda DYTМ juga mengingatkan, maka adalah wajar bagi para graduan agar sentiasa peka serta mengambil ruang dan peluang untuk mempertingkatkan dan menguasai pelbagai disiplin ilmu serta berbagai cabang kemahiran yang bermanfaat kepada memacu negara menjadi sebuah negara cemerlang yang berpandukan Al-Quran.

Oleh yang demikian, DYTМ bersabda, melahirkan harapan agar para graduan tidak berhenti setakat ini sahaja dalam mencari ilmu, sebaliknya menanamkan azam yang kuat untuk sentiasa menambah pengetahuan yang bersesuaian bagi menyahut cabaran dan zaman globalisasi masa kini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menyempurnakan pengurniaan penganugerahan syahadah (sijil) Diploma 'Aliyah Qiraat kepada graduan ITQSHHB (kiri dan kanan).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota bersama paduka adinda DYTМ berkenan bergambar kenangan bersama para graduan ITQSHHB yang diraikan.

# Berangkat menyempurnakan penganugerahan syahadah Diploma 'Aliyah Qiraat ITQSHHB

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,  
Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Masri Osman, Mohd. Zul-Izzi  
Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 24 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyempurnakan penganugerahan syahadah (sijil) Diploma 'Aliyah Qiraat kepada 15 graduan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB). Majlis Hafut Takharruj Kali Kelima ITQSHHB diadakan di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman serta ahli-ahli lembaga dan jawatankuasa akademik dan peperiksaan institut berkenaan.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Majlis dimulakan dengan persembahan Hafazan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Ibrahim, ayat 34 hingga ayat 42 riwayat Kalafa'an Hamzah yang disampaikan oleh Awangku Muhammad Abd Qadri bin Pengiran Haji Ibrahim sementara inti sari ayat dibacakan oleh Awang Md. Alisyahmi bin Haji Abdul Mutalip.

Diikuti dengan sembah alu-aluan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang antara lain menyebarkan mengenai pengajian peringkat Diploma 'Aliyah Qiraat yang mengambil tempoh masa selama tiga tahun itu mula dilaksanakan pada tahun 2010 Masihi dan ia diiktiraf sebagai Diploma Kebangsaan.

Menurut Yang Berhormat, pengajian tersebut adalah kesinambungan atau peningkatan pengajian menghafaz 30 Juzuk Al-Quran, dengan menguasai ilmu-ilmu Al-Quran khususnya dalam bidang Ilmu Qiraat di samping itu, para pelajar juga mengikuti pengajian yang lainnya seperti Melayu Islam Beraja, Fiqh, Tafsir, Hadis, Bahasa Arab, Bahasa Inggeris termasuk peluang mengikuti program penempatan kerja di agensi-agensi yang bersesuaian.

"Para pelajar juga dilibatkan secara berterusan dalam pelbagai aktiviti di dalam dan di luar kampus. Dengan itu mereka diasuh untuk berinteraksi dengan masyarakat, memupuk sifat kepimpinan dan pembentukan syakhsiah atau jati diri keBruneian yang berteraskan kenegaraan Melayu Islam Beraja," sembah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menyebarkan, bahawa pada tahun ini, para graduan Diploma 'Aliyah Qiraat adalah berpeluang untuk melanjutkan pengajian ke Program Sarjana Muda Tahfiz dan Qiraat, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), iaitu satu program yang baru diperkenalkan di universiti Islam tulen negara kita.

"Dalam tempoh 15 tahun semenjak penghantaran pelajar lepasan ITQSHHB ke pusat-pusat pengajian tinggi luar, iaitu Republik Arab Mesir, United Kingdom dan Malaysia ada seramai 78 graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka ke peringkat Sarjana Muda. Daripada jumlah tersebut, seramai 62



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan paduka adinda DYT, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menerima junjung ziarah sejeurus berangkat tiba pada Majlis Hafut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Kali Kelima Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

orang telah memasuki perkhidmatan kerajaan yang majoritinya dalam bidang agama seperti menjadi tenaga pengajar dan imam dan sebahagiannya lagi berkhidmat dalam bidang-bidang khusus di Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan," sembah Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, satu lagi inisiatif ITQSHHB ialah akan mengajarkan mata pelajaran Tarannum mulai tahun hadapan (tahun 2018) yang mana mata pelajaran Tarannum atau ilmu bacaan Al-Quran secara berlagu itu mengandungi asas ilmu Tarannum secara teori dan amali khususnya dalam 7 Tabaqah lagu (iaitu Bayati, Soba, Hijjaz,

Nahawan, Rast, Sikah dan Jiharkah).

Pada majlis tersebut, DYT, Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah juga berkenan mengurniakan sabda.

Majlis diserikan dengan ceramah khas bertajuk 'Fadha'il Huffaz Al-Quran Menurut As-Sunnah (Kelebihan / Keutamaan Penghafaz Al-Quran Menurut Sunnah)' disampaikan oleh Penolong Rektor UNISSA, Dr. Awang Arman bin Haji Asmad.

DYT, kemudian berkenan menyempurnakan penganugerahan syahadah atau sijil Diploma 'Aliyah Qiraat kepada 15 graduan terdiri daripada enam penerima pangkat Mumtaz, enam pangkat

Jayyid Jiddan, seorang pangkat Jayyid dan dua orang pangkat Maqbul.

Hafut Takharruj ini diadakan adalah bagi meraikan graduan Diploma 'Aliyah Qiraat sekali gus merealisasikan visi institut berkenaan sebagai sebuah institusi tahfiz dan perkembangan Al-Quran yang terunggul di peringkat negara, serantau dan antarabangsa.

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYT juga berkenan bergambar kenangan bersama para graduan ITQSHHB yang diraikan.



ANTARA Menteri-Menteri Kabinet yang hadir pada majlis berkenaan.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dalam sembah alu-aluan.



MAJLIS dimulakan dengan persembahan Hafazan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Ibrahim, ayat 34 hingga ayat 42 riwayat Kalafa'an Hamzah yang disampaikan oleh Awangku Muhammad Abd Qadri bin Pengiran Haji Ibrahim sementara inti sari ayat dibacakan oleh Awang Md. Alisyahmi bin Haji Abdul Mutalip.



# Triples Wanita raih gangsa ketujuh negara

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Azmah Haji Ahad



padang bagi Kategori Triples Wanita yang berlangsung di Pusat Boling Padang Kebangsaan, Bukit Kiara.

Pemain berpengalaman negara, Dayang Hajah Ajijah binti Muntol dan Dayang Suhana binti Mohd Daud, bersama seorang lagi rakan, Dayang Norafizah binti Matossen meneruskan cabaran menentang pasukan dari negara Thailand yang dibarisi oleh Thong Oomen, Orawan Sodok dan Kesanee Wongsasopa.

Skuad negara mendahului pungutan mata perlawanan namun corak perlawanan mendebarkan bermula pada ends ke-13 apabila skuad Thailand berusaha keras mengejar kedudukan pasukan negara sehingga berada di kedudukan 15 - 10 pada ends ke-17.

Bagaimanapun, skuad negara bimbingan Jurulatih, Awang Lokman bin Haji Salleh berjaya memenangi perlawanan dengan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkihah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan perlawanan boling padang bagi Kategori Triples Wanita yang berlangsung di Pusat Boling Padang Kebangsaan, Bukit Kiara.

kedudukan mata yang berakhir 15 - 11 sekali gus menyumbangkan pingat gangsa ketujuh untuk negara.

Kalungan pingat disampaikan

oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim yang mana pasukan tuan rumah,

Malaysia muncul juara pada perlawanan tersebut setelah menewaskan pasukan Filipina yang meraih pingat perak.

**KUALA LUMPUR, Jumaat, 25 Ogos.** - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkihah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan perlawanan boling




ATLET negara memperoleh pingat gangsa dalam perlawanan boling padang bagi Kategori Triples Wanita (kiri), sementara gambar kanan, antara strategi yang diatur oleh atlet negara untuk mengubah kedudukan mata.



SEBAHAGIAN daripada aksi yang ditampilkan oleh atlet negara semasa perlawanan boling padang bagi Kategori Triples Wanita yang berlangsung di Pusat Boling Padang Kebangsaan, Bukit Kiara (kiri dan kanan).

# Skwad polo negara gagal imbangi Thailand



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Suffri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan perlawanan polo di antara pasukan Polo Negara Brunei Darussalam menentang pasukan Polo Thailand.

**KUALA LUMPUR**, Khamis, 24 Ogos. - Pasukan Polo Thailand menang ke atas skuad polo negara dengan kiraan 10 - 3 dalam empat chaka pada perlawanan yang berlangsung di Taman Equestrian Putrajaya, Kuala Lumpur, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Suffri

Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik

Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan perlawanan tersebut.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika beraksi menentang pasukan Polo Thailand.



Oleh : Ak. Sy'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Azmah Haji Ahad

Berangkat mewakili pasukan Polo Negara Brunei Darussalam ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Yang Teramat Mulia Paduka

Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah berjaya menjaringkan gol ketiga buat pasukan negara, manakala gol pertama dan kedua negara dijaringkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Pasukan polo negara seterusnya akan mencuba untuk mencatat kemenangan pertama mereka menentang Singapura pada 26 Ogos ini.



BERANGKAT mewakili pasukan Polo Negara Brunei Darussalam ialah YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah.

# Muhd. Fida'iy terlepas pingat gangsa



Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Acara Kategori Kumite Lelaki Perseorangan Bawah 55 Kilogram yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).



PERLAWANAN untuk merebut pingat gangsa di antara Muhd. Fida'iy bin Haji Sanif (warna merah) dengan peserta dari Thailand.

**KUALA LUMPUR**, Rabu, 23 Ogos. - Peserta karatedo negara, Muhd. Fida'iy bin Haji Sanif terpaksa menerima hakikat setelah gagal untuk meraih pingat gangsa apabila tewas

dengan kiraan 8 - 2 kepada peserta Thailand dalam Acara Kategori Kumite Lelaki Perseorangan Bawah 55 Kilogram yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention

Centre, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan perlawanan tersebut.

Selepas tewas dalam perlawanan awal bertemu Indonesia, Muhd. Fida'iy terus cuba memperbaiki rekodnya apabila menang ke atas Timor Leste 3 - 0 dan berpeluang untuk memenangi pingat gangsa menentang peserta Thailand, Siravit Sawangsari.

Muhd. Fida'iy ketika ditemui oleh Pelita Brunei menjelaskan,

beliau ingin mempertahankan markah yang diperolehnya setelah mendahului dengan kiraan 2 - 1 selepas 3 minit, namun terpaksa akur dengan kepantasan pihak lawan, Siravit Sawangsari.

Beliau seterusnya menerangkan setelah bertanding pada Sukan SEA sebanyak lima kali dengan memenangi pingat gangsa dalam Kategori Kumite Berpasukan pada tahun 2011 dan pingat perak dalam Kategori Kumite Lelaki Perseorangan Bawah 55Kg pada tahun 2013, ini mungkin penyertaan beliau kali terakhir di arena sukan berprestij tersebut.

Manakala peserta karatedo negara yang bertanding dalam Kategori Kumite Wanita



Perseorangan Bawah 55Kg, Umi Fakhriya binti Mohd. Norzairi gagal untuk mencatat sebarang kemenangan setelah kalah kepada peserta-peserta dari Viet Nam dan Indonesia.



MUHAMMAD Fida'iy bin Haji Sanif (warna biru) berlawan dalam Acara Kumite pada pusingan awal. (kiri), manakala gambar kanan, Umi Fakhriya Mohd Norzairi (warna biru) dalam perlawanan Kategori Kumite Wanita Perseorangan Bawah 55Kg.

# Kata Wanita Berpasukan raih pingat gangsa



Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

**KUALA LUMPUR**, Khamis, 24 Ogos. - Negara terus menambah koleksi pingat gangsa menerusi sukan karate bagi Acara Kata Wanita Berpasukan setelah kalah 5 - 0 serta gagal menyaingi pasukan Viet Nam pada perlawanan suku akhir yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan perlawanan tersebut.

Pada perlawanan itu menyaksikan aksi atlet karate wanita negara yang dibarisi oleh Amirah Syahidah binti Abdul Rahim, Aufa Bazilah binti

Abdul Razak dan Wahidah binti Kamarul Zaman berkongsi pingat gangsa bersama pasukan Indonesia.

Pasukan Viet Nam muncul juara dengan merebut pingat emas mengalahkan pasukan tuan rumah 3 - 2, sekali gus pasukan Malaysia memenangi pingat perak.

Amirah Syahidah ketika ditemu bual menjelaskan, beliau berasa gembira kerana berjaya meraih pingat gangsa walaupun pertama kali menyertai Sukan SEA.

Manakala itu, Jurulatih Karate Negara, Lorentius Bernardus berpuas hati



**DULI** Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan perlawanan sukan karate bagi Acara Kata Wanita Berpasukan yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre.

dengan persembahan anak didiknya setelah mendapatkan sekurang-kurangnya 1 pingat gangsa bagi wakil negara yang

menyertai sukan karate.

"Harapan seterusnya adalah untuk terus lagi mencuba mempertingkatkan mutu

perlawanan dan ketangkasan anak didiknya untuk tujuan menyertai Asian Games tahun hadapan," tambahnya lagi.



**ATLET** karate wanita negara dibarisi oleh Amirah Syahidah binti Abdul Rahim, Aufa Bazilah binti Abdul Razak dan Wahidah binti Kamarul Zaman memperoleh pingat gangsa dalam sukan karate bagi Acara Kata Wanita Berpasukan.



**JURULATIH** Karate Negara, Lorentius Bernardus berpuas hati dengan persembahan anak didiknya.



**PARA** pemenang dalam sukan karate bagi Acara Kata Wanita Berpasukan ketika bergambar ramai (kiri), sementara gambar kanan, antara aksi pada perlawanan tersebut.

# Industri halal jana pendapatan sekitar BND88 juta

Dari muka 1

Peningkatan sebanyak lima kedudukan tersebut jelas Yang Berhormat lagi, dicapai hasil daripada sumbangan perkembangan dalam sektor pelancongan halal dan peningkatan dalam ekosistem pemakanan halal di negara ini.

Sementara itu katanya, sehingga penghujung tahun 2016, industri halal tempatan telah berjaya menjana pendapatan sekitar BND88 juta yang dihasilkan

oleh 35 buah syarikat dengan tenaga kerja seramai 835 orang.

Manakala trend sektor makanan halal dan gaya hidup juga dijangkakan akan terus meningkat dengan perkembangan sehingga USD3 trilion menjelang 2021.

Menurut Yang Berhormat, prinsip gaya hidup 'Halalan Thayyiban' adalah sesuatu yang perlu dipegang teguh oleh para Pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) dan prinsip tersebut merupakan kemestian menurut perundangan Islam

selain dari keperluan Maqasid Shariah yang memastikan agar keseluruhan rangkaian permakanan antara lain hendaklah beretika, bertanggungjawab, dan berdaya tahan serta ia tidak terhad kepada proses penyembelihan sahaja malah turut meliputi proses lain seperti pengangkutan, pemerosesan serta logistik dalam memastikan integriti dalam rangkaian perbekalan secara holistik.

Tambah Yang Berhormat lagi, menjelang penghujung tahun 2017,

dua lagi syarikat perlaburan langsung asing akan membuka operasi di sini.

Syarikat tersebut ialah Syarikat Western Foods and Packaging Sendirian Berhad, sebuah loji penapisan minyak sawit dan pengeluar marjerin peringkat industri dan Syarikat Saahtain Foods, iaitu sebuah syarikat pengeluar makanan siap dimakan (*ready-to-eat*), akan memulakan operasinya di negara ini yang turut membukakan peluang pekerjaan sebanyak 132 jawatan.



MENTERI Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Dato Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar semasa berucap pada Majlis Perasmian Seminar Antarabangsa dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban anjuran bersama Jabatan Tenaga dan Perindustrian, JPM dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

## BruHAS 2017 pamerkan produk halal

JERUDONG, Rabu, 23 Ogos. - Majlis Perasmian Brunei Halal Showcase (BruHAS 2017) anjuran bersama Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlangsung di Dewan Persidangan BRIDEX, Jerudong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di JPM, Yang Berhormat Pehin Dato Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang UNISSA, Dr. Dayang Hajah Mas Nooraini binti Haji Mohiddin, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penganjur BruHAS 2017 dalam ucapan alu-aluannya menyatakan, BruHAS 2017 akan diadakan selama tiga hari bermula pada 23 hingga 25 Ogos 2017 dan terbahagi

kepada empat aktiviti utama, iaitu Halalan Thayyiban Products and Services Expo (EKSPPHAT); Seminar Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban Ke-2 (SAPPAT II); BruHAS Dialogue on Halal Certificate and Halal Label Order (Amended) 2017 and Halal Logistic dan Halal Clinic.

Majlis turut menyaksikan penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat yang disampaikan oleh Rektor UNISSA, Dr. Awang Norarfan bin Haji Zainal dan seterusnya diikuti dengan sesi bergambar ramai bersama para pembentang kertas kerja di Seminar Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban.

Sementara itu, Yang Berhormat Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di JPM juga menyaksikan pameran EKSPPHAT bertempat di ruang berasingan di dewan persidangan berkenaan.

Pameran yang menentangakan

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

sebanyak 54 peserta terdiri daripada pengusaha tempatan dan syarikat antarabangsa di sini dengan mempamerkan produk-produk makanan, fesyen, peralatan rumah dan perkhidmatan.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Dato Paduka Awang Haji Jamain bin Haji Julaihi; Setiausaha Tetap (Perindustrian) di JPM, Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah; Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pengurusan, Koperasi dan Perindustrian) di JPM, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.



YANG Berhormat Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di JPM semasa menyaksikan produk daripada Muslimeen Apparel pada Seminar Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban.

## Kebawah DYMM perkenankan pelantikan Ahli Majlis Ugama Islam

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 24 Ogos. - Majlis Ugama Islam memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik nama-nama berikut untuk menjadi Ahli Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam menurut bab 13 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77 bagi tempoh 3 tahun mulai 1 Ogos 2017 hingga 31 Julai 2020M, seperti berikut :

- 1) Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama - (Yang Dipertua Majlis Ugama Islam).
- 2) Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, D.K., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Yang Dipertua Adat Istiadat Negara - (Ahli Majlis Ugama Islam).
- 3) Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, P.S.N.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri - (Ahli Majlis Ugama Islam).
- 4) Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrain bin Abdullah, P.S.N.B., D.P.M.B., P.S.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pembangunan - (Ahli Majlis Ugama Islam).
- 5) Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan - (Ahli Majlis Ugama Islam).
- 6) Yang Berhormat Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan - (Ahli Majlis Ugama Islam).
- 7) Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B.,

Menteri Kesihatan - (Ahli Majlis Ugama Islam).

8) Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, P.S.S.U.B., D.S.L.J., P.H.B.S., P.B.L.I., P.K.L., Mufti Kerajaan - (Ahli Majlis Ugama Islam).

9) Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shabbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh, S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L., Peguam Negara - (Ahli Majlis Ugama Islam kerana jawatan).

10) Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, P.S.S.U.B., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Ketua Hakim Syarie, - (Ahli Majlis Ugama Islam).

11) Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Haji Awang Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kifli, S.P.M.B., S.N.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L., Ketua Hakim Negara - (Ahli Majlis Ugama Islam).

12) Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, P.S.N.B., D.P.M.B., S.L.J., P.J.K., P.K.L., - (Ahli Majlis Ugama Islam).

13) Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, D.K., D.S.L.J., D.P.M.B., P.O.A.S., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., - (Ahli Majlis Ugama Islam).

14) Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., - (Ahli Majlis Ugama Islam).

15) Yang Berhormat Pehin Dato Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, P.S.S.U.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.K.L., - (Ahli Majlis Ugama Islam).

16) Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, P.S.S.U.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.K.L., - (Ahli Majlis Ugama Islam).

17) Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, S.P.M.B., S.S.U.B., P.J.K., Timbalan Menteri Pendidikan - (Ahli Majlis Ugama Islam).

18) Yang Mulia Dato Seri Paduka Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, S.P.M.B., P.J.K., P.K.L., Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama - (Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam).

19) Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, P.S.S.U.B., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Hakim Mahkamah Rayuan Syariah - (Ahli Majlis Ugama Islam).

20) Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud, S.P.M.B., S.L.J., P.J.K., P.K.L., - (Ahli Majlis Ugama Islam).

21) Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Baki, D.S.S.U.B., P.J.K., P.K.L., - (Ahli Majlis Ugama Islam).

22) Yang Mulia Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam, D.P.K.T., P.S.P.N.B., S.M.B., P.S.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.P., Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei - (Ahli Majlis Ugama Islam kerana jawatan).

23) Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Tasim bin Haji Akim, D.S.S.U.B., S.S.U.B., P.J.K., P.K.L., Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah - (Ahli Majlis Ugama Islam).

24) Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof, D.S.S.U.B., S.N.B., S.M.B., P.J.K., P.K.L., Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama - (Ahli Majlis Ugama Islam).

25) Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin, D.S.S.U.B., P.K.L., Timbalan Mufti Kerajaan - (Ahli Majlis Ugama Islam).

26) Yang Mulia Awang Haji Dinnie bin Haji Abdullah, S.M.B., P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Pegawai Istinbat Kanan Kumpulan 2 - (Ahli Majlis Ugama Islam).

# Tutong destinasi menarik bagi pakej pelancongan



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian antara Agent Hasa Incentives Sendirian Berhad dan Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung (MPK) Rambai, Sinar Tour Sdn. Bhd. dan usahawan bot Sri Melati Enterprise dan Hasa Incentives Sdn. Bhd. serta Puteri Maya Enterprise.



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali semasa menyaksikan pameran dan jualan produk Majlis Perundingan Kampung dan Produk Pelancongan Tutong.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**TUTONG**, Rabu, 23 Ogos. - Promosi Pakej Destinasi Tutong adalah inisiatif Jabatan Pembangunan Pelancongan untuk meneruskan usaha promosi mempamerkan pakej pelancongan yang menarik di negara ini.

Sehubungan itu, Majlis Menandatangani Perjanjian antara

Agent Hasa Incentives Sendirian Berhad dan Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung (MPK) Rambai, Sinar Tour Sdn. Bhd. dan usahawan bot Sri Melati Enterprise dan Hasa Incentives Sdn. Bhd. serta Puteri Maya Enterprise diadakan di kawasan Jeti Sungai Tutong, Pekan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Majlis dimulakan dengan Pelancaran Promosi Pakej Destinasi Tutong dan Tayangan Video Destinasi Tutong.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Kebudayaan Destinasi Tutong dan menyaksikan pameran dan jualan produk MPK dan Produk Pelancongan

Tutong. Pengendali produk yang membentuk Pakej Destinasi Tutong turut mengambil bahagian dalam jualan.

Pada akhir lawatan tetamu kehormat dan Ahli-ahli Lembaga Pelancongan Brunei dan para tetamu juga diambil di pelayaran sungai, Sungai Tutong.

Pelayaran sungai memberi peluang untuk melihat beberapa tarikan yang ditawarkan dalam Tutong River Cruise Package yang merangkumi pemandangan

Bandar Tutong, Landmark Sungai Tutong dan Lurah Saban, penempatan awal penduduk daerah ini.

Dengan mempromosikan Pakej Destinasi Tutong, ia akan menambah pelbagai pakej pelancongan yang ditawarkan oleh ejen pelancongan.

Ini seterusnya memberi manfaat kepada pelancong dengan menawarkan lebih banyak pilihan dan menggalakkan mereka untuk melanjutkan perjalanan mereka ke Brunei.

## Daerah Tutong tarik 1,680 pengunjung pada 2016



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong selaku tetamu kehormat semasa merasmikan Pakej Destinasi Tutong di kawasan Jeti Sungai Tutong, Pekan Tutong (atas dan atas kanan), sementara gambar bawah, Yang Berhormat dibawa menelusuri Sungai Tutong.



**TUTONG**, Rabu, 23 Ogos. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong merasmikan Pakej Destinasi Tutong di kawasan Jeti Sungai Tutong, Pekan Tutong, di sini.

Turut hadir, Duta-Duta Besar, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap, penghulu dan ketua kampung di daerah ini.

Promosi Pakej Destinasi Tutong adalah inisiatif Jabatan Pembangunan Pelancongan untuk meneruskan usaha promosi mempamerkan pakej pelancongan yang menarik di negara ini.

Pakej pelancongan tersebut bertujuan untuk menyediakan hotspot dan lawatan yang akan menarik lebih banyak pelancong tempatan dan antarabangsa ke Daerah Tutong.

Pakej Destinasi Tutong adalah

usaha kerjasama antara Jabatan Pembangunan Pelancongan dan Promosi dan Penyelaras Badan Pelancongan Daerah Tutong dalam mempromosikan pakej 2 hari 1 malam dan pakej perjalanan harian yang ditawarkan di daerah ini.

Terdapat lapan pakej untuk Destinasi Tutong, iaitu Pasar Tutong Khamis, Tutong Cottage Industry Tour, Pengalaman Tutong Culture, Pengalaman Kiudang Day Trip, Kembali ke Alam, Tutong River Cruise, 2 Hari 1 Malam Jelajahi Pakej Tutong dan Pakej 2 Hari 1 Malam.

Mengikut statistik yang dikumpulkan oleh Badan Promosi dan Penyelaras Badan Pelancongan Daerah Tutong, pada tahun 2016 sebanyak 1,680 pengunjung melawat pelbagai tempat menarik di Daerah Tutong, 450 pelawat yang menggunakan pakej pelancongan manakala selebihnya

adalah Pelancong Bebas Kerap (FITs).

Daripada jumlah ini, 70 peratus adalah pelawat tempatan, 25 peratus pelancong asing dan 5 peratus terdiri daripada lawatan sekolah dan pelajar penyelidikan.

Sehingga Julai tahun ini, kira-kira 1,085 pengunjung telah membeli pakej pelancongan sama ada melalui Badan Promosi Daerah Tutong atau ejen pelancongan.

Dari angka ini, 63 peratus adalah pelawat tempatan, 25 peratus pelancong dan 12 peratus adalah pelajar, penyelidik dan lawatan rasmi.

Sementara itu, pakej popular ialah Tutong City Tour, Tutong Cottage Industry Tour, Tutong Educational Tour dan Tutong Islamic Tour, manakala pakej yang popular untuk 2017 setakat ini adalah Tour Kiudang dan Tutong City Tour.

# Daerah Tutong destinasi popular



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong semasa bergambar ramai pada Majlis Mempromosi Pakej Destinasi Tutong yang berlangsung di kawasan Jeti Sungai Tutong, Pekan Tutong.

Oleh : Rohani Haji Abd. Hamid  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TUTONG, Rabu, 23 Ogos. - Daerah Tutong telah mendapat populariti dari segi menerima pelawat. Terdapat banyak tarikan hebat di daerah ini yang masih belum ditemui oleh ramai pelawat.

Selain flora dan fauna yang indah serta hidupan liar yang boleh dilihat di taman dan pelayaran di sepanjang Sungai Tutong, terdapat juga cerita-cerita rakyat yang menarik mengenai bandar ini dan terdapat beberapa aktiviti pelancongan berasaskan komuniti.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong menyatakan perkara tersebut pada Majlis Mempromosi Pakej Destinasi Tutong, yang berlangsung di kawasan Jeti Sungai Tutong, Pekan Tutong, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, terdapat banyak industri kotej yang boleh dilawati bagi meningkatkan kemasukan pelancong ke daerah yang indah

ini antaranya ialah Perkebunan Cahaya Gaharu, Eco Ponies Garden yang merupakan *homestay* kampung yang unik yang terletak di sudut Lamunin dengan laluan hutan untuk pelawat terokai, dan taman komuniti dengan lebih daripada 20 jenis herba tradisional.

Menurutnya, Tutong juga terkenal dengan hasil tempatan, seperti madu Tasbee dari Ladang Meliponikultur, Teh Herbal dari Kampung Kiudang, sagu dan minyak kelapa dara dari Kampung Tanjung Maya.

"Daerah Tutong sangat aktif dalam menawarkan produk pelancongan dan untuk itu saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pejabat Daerah Tutong, Badan Promosi dan Penyelidikan Daerah Tutong, Jawatankuasa Majlis Perundingan Desa, Komuniti Tutong sebagai usaha mereka yang tidak berkesudahan untuk mempromosikan produk

dan perkhidmatan pelancongan kepada bukan sahaja penduduk tempatan tetapi juga kepada pelawat antarabangsa," jelas Yang Berhormat.

Syarikat penerbangan, hotel dan ejen pelancongan menurut Yang Berhormat, patut mengambil peluang itu untuk bekerjasama dengan pembekal produk pelancongan ini untuk menambah pelbagai pilihan kepada program pelancongan mereka yang sedia ada.

Yang Berhormat menegaskan, ini penting untuk menjadikan Tutong sebagai destinasi pelancongan utama di Negara Brunei Darussalam.

"Saya memuji inisiatif ini dan mengalu-alukan lebih banyak ejen pelancongan untuk mewujudkan urusan niaga ini yang akan memberikan impak positif kepada sektor pelancongan dan negara kita secara keseluruhan," ujarnya.

Yang Berhormat menyatakan, dengan adanya dari penerbangan yang disewa dari Korea, Kuning dan Nanning China di harap akan menyediakan lebih banyak penawaran pelancongan di negara ini dan pelancong akan memilih untuk tinggal lebih lama di Brunei dan menyumbang kepada ekonomi dan negara kita.

## HALUAN

### Teknologi mudah alih tingkat pengalaman pembelajaran pelajar

Dari muka 2

Dengan demikian, saya ingin menggalakkan para pendidik untuk terus meningkatkan kualiti pengajaran dan program pengajaran mereka, dan bekerja rapat antara satu sama lain dan membina hubungan yang kuat antara satu sama lain sementara pada masa yang sama mencabar tanggapan tradisional tentang jenis kerja yang ditetapkan untuk pelajar-pelajar kita. Teknologi mudah alih mendapat pembelajaran dari persekitaran kelas dengan sedikit atau tiada akses kepada guru, walaupun proses pembelajaran tidak dapat dicapai tanpa arahan atau panduan guru.


Saya percaya, sebagai pendidik, kita perlu menerajui sempadan di mana kita perlu mencabar anggapan-anggapan tradisional, jadi kita perlu memberi peluang kepada pelajar untuk belajar kreatif selaras dengan kemajuan teknologi. Sudah hari-hari, yang pengajaran dilakukan melalui kaedah konvensional, atau pendekatan berpusatkan guru. Faktor dan sumber manusia masih menjadi bahagian penting dalam pendidikan kita, dan buku, bahan bacaan dan sumber daya masih harus menjadi bahagian penting dalam kehidupan pelajar kita. Walau bagaimanapun, apa yang berbeza adalah bagaimana sumber-sumber semasa ini kini menjadi mudah alih, dan kami telah berkembang menjadi penduduk digital. E-buku, dan pelbagai aplikasi pembelajaran pendidikan mudah dimuat turun melalui peranti mudah alih dan menjadi lebih mudah walaupun untuk kanak-kanak berusia 3 tahun yang boleh belajar

melalui mana-mana peranti mudah alih seperti iPad, iPhone atau peranti android yang kini boleh didapati di pasaran.

Kami pasti perlu mengubah cara kami membentangkan kurikulum dan bahan kandungan kepada pelajar kita. Oleh itu, kita mestilah bercita-cita menjadi sangat proaktif, inovatif, kreatif dan sentiasa mengemas kini mengenai bagaimana kita mendekati ajaran kita dengan anak-anak masa depan digital ini.

Akhir sekali, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Politeknik Brunei untuk mengambil langkah pertama dalam mewujudkan kesedaran dan untuk menganjurkan platform berharga ini untuk pendidik untuk berkongsi rangkaian dan belajar bersama. Saya mempunyai keyakinan tinggi bahawa perkongsian pengetahuan dalam simposium hari ini akan menawarkan peluang untuk menghasilkan pendidik yang berkualiti di semua bidang, dari Pendidikan Tinggi atau Pendidikan Teras atau daripada rakan industri. Saya berharap pertukaran maklumat melalui penyertaan dari pendidik dan industri akan memberikan sinergi yang tepat untuk membawa perubahan positif dan akan menjadi pembuka mata bagi para peserta dan pertukaran pandangan dan idea yang bermanfaat dalam simposium tahun ini.

Dengan kalimah Bismillahir Rahmannir Rahim, saya rasmikan Simposium Antarabangsa Politeknik Ke-3 2017 secara rasmi dibuka.



Diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi, dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah akan mempermudah baginya suatu jalan menuju ke syurga."

- Pastikan jadual belajar masih diikuti.
- Gunakan masa sebaiknya kerana pengurusan masa yang baik akan turut menghasilkan keputusan yang baik.
- Pastikan ada waktu rehat setiap kali mengulang kaji.
- Sentiasa fokus, membaca dan berlatih.
- Fakta dan maklumat senang difahami bila dipelajari pada waktu pagi.
- Minta nasihat dari guru-guru mengenai peperiksaan.
- Ibu bapa menjadi contoh dalam pengurusan masa yang berkesan.

# Penunggang motosikal diingatkan patuhi peraturan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad (tiga, kiri) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Bengkel Sistem Bermotor / Sikal Siap Siaga 2017 berlangsung di Kementerian Perhubungan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 Ogos. - Para pengguna jalan raya di negara ini khasnya penunggang motosikal diingatkan untuk terus menerapkan pembelajaran tentang undang-undang dan peraturan jalan raya yang telah dikemaskinikan oleh

Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR), Jabatan Pengangkutan Darat (JPD).

Perkara tersebut antara lain taklimat yang akan disampaikan pada Bengkel Sistem Bermotor / Sikal Siap Siaga 2017 bertempat di Dewan Amar Pahlawan,

Kementerian Perhubungan.

Ia dianjurkan oleh Kelab Motosikal Veteran (Veteran Motorcycle Club - VMC) dengan kerjasama MKKJR dan JPD, di sini.

Pada bengkel itu, antara yang disampaikan ialah mengenai

SiKAP, Standard Operational Procedure, Kurikulum Motosikal serta kaedah *first aids* oleh paramedik juga para peserta akan diberikan tugas secara berkumpulan dan membuat pembentangan mengenai hasil berkenaan.

Bengkel yang dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua VMC, Awang Mu'adz bin Haji Abdul Hamid itu turut menjemput beberapa fasilitator undangan terdiri daripada kalangan pegawai-pegawai kanan dan Pegawai Melesen dari JPD serta komiti dari VMC.

Seramai 20 peserta terdiri daripada Ahli-ahli VMC, Kelab-kelab Motosikal Brunei, Syarikat-syarikat Perkhidmatan Penghantaran dan Penunggang Motosikal persendirian hadir menyertai bengkel berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan bengkel tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad.



YANG Dipertua Kelab Motor / Sikal Veteran, Awang Mu'adz bin Haji Abdul Hamid semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.

## Penggunaan teknologi galakkan kaedah pengajaran dan pembelajaran inovatif

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 Ogos. - Simposium Antarabangsa Kali Ketiga mengenai Pembelajaran dan Pengajaran Inovatif (ISITL 2017) anjuran Politeknik Brunei diteruskan lagi dengan beberapa penyampaian kertas kerja oleh pakar-pakar jemputan berlangsung di Hotel Orchid Garden, Anggerek Desa.

Dalam ucapan Pengarah Pendidikan Microsoft untuk Asia Pasifik, Don Carlson antara lain membentangkan mengenai keperluan bagi transformasi pendidikan seiring dengan transformasi perniagaan ke arah perubahan digital.

Pengarah dan Pegasas Bersama PetroEDGE Asia, Singapura, Malina Raman kemudian menerangkan mengenai pembelajaran realiti maya (*virtual reality*), di mana teknologi ini membolehkan para pengguna berada dalam persekitaran pembelajaran yang menggabungkan dunia *virtual*, pembelajaran yang dipimpin pengajar dan latihan operasi di lokasi.

Hadir ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Nawawi, selaku wakil peribadi tetamu kehormat, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Turut hadir, Pengarah Politeknik Brunei juga Pengerusi Jawatankuasa ISITL 2017, Denis Ho Mun Tai; pengarah-pengarah di Kementerian Pendidikan serta



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Nawawi (dua, kanan) selaku wakil peribadi Timbalan Menteri Pendidikan hadir pada hari kedua simposium.

ketua-ketua jabatan dan sekolah politeknik.

Sementara itu, pada Majlis Penutup ISITL 2017 yang diadakan pada sebelah petang pula menyaksikan penyampaian sesi refleksi oleh Ketua Pusat bagi Pengajaran dan Pembelajaran Inovatif (CiTL), Politeknik Brunei, Dr. Malai Zeiti binti Sheikh Abdul Hamid.

Ia diikuti dengan penyampaian siji dan cenderahati kepada penceramah - penceramah ucapatama, iaitu Profesor Madya Mark Pegrum dari Graduate School of Education, University of Western Australia, Perth dan Don Carlson serta penceramah-penceramah undangan oleh tetamu kehormat, Denis Ho Mun Tai.

Tema simposium pada tahun ini, 'Pembelajaran secara 'Mobile' dan Inovasi dalam Bidang Teknologi' menggalakkan kajian serta pelaksanaan ke atas aplikasi

mobile dalam pengajaran dan pembelajaran melalui penggunaan peranti serta aplikasi *mobile*.

Simposium dihadiri oleh kira-kira 230 peserta terdiri daripada para pensyarah di Politeknik Brunei dan peserta dari Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, institusi-institusi pengajian tinggi tempatan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) serta sekolah-sekolah kerajaan dan swasta.

Melalui simposium itu, para peserta diharap akan dapat mempelajari kaedah-kaedah terbaik daripada penceramah tempatan dan luar negara, di samping meningkatkan penggunaan teknologi bagi membentuk kaedah menyampaikan pelajaran dan menggalakkan penggunaan pendekatan pedagogi dalam cara yang inovatif.

## Keputusan Peperiksaan BCGCE 'A', 'AS', 'O' Level, IGCSE Mei / Jun 2017

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 Ogos. - Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'A', 'AS' dan 'O' Level dan International General Certificate of Secondary Education (IGCSE) Mei / Jun 2017.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Pendidikan itu, bagi Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'A' Level, daripada 222 calon yang menduduki peperiksaan tersebut, seramai 158 atau 71.17 peratus mendapat sekurang-kurangnya 1 'A' level. Pada keseluruhannya yang memperoleh sekurang-kurangnya 2 'A' level adalah seramai 77 calon atau 34.68 peratus.

Bagi Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'AS' Level, daripada 1,705 calon yang menduduki Peperiksaan 'AS' Level, 1,586 atau 93.02 peratus telah berjaya memperoleh sekurang-kurangnya 1 mata pelajaran 'AS' Level.

Calon yang memperoleh sekurang-kurangnya 2 'AS' Level adalah seramai 1,313 atau 77.01 peratus.

Dalam Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'O' Level, seramai 2,220 calon (tidak termasuk yang menduduki satu atau dua mata pelajaran) yang menduduki peperiksaan tersebut dengan mengambil antara tiga mata pelajaran hingga sembilan mata pelajaran.

Dari segi calon yang mengambil antara lima mata pelajaran hingga sembilan mata pelajaran adalah seramai 305 calon, dan daripada jumlah ini seramai 130 calon memperoleh 5 'O' Level Kredit dan ke atas atau 42.62 peratus.

Sehubungan ini, dimaklumkan kepada penuntut-penuntut yang mengambil peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing, manakala calon-calon persendirian dikehendaki mengambil slip keputusan mereka di Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.

Calon-calon yang berhasrat untuk menduduki peperiksaan tersebut bagi memperbaiki pencapaian, pada bulan Oktober / November ini, boleh membuat pendaftaran sebagai 'Late Entry' dengan dikenakan bayaran Late Entry Fee bagi setiap mata pelajaran yang diambil. Borang dan maklumat pendaftaran bolehlah diperolehi di Jabatan Peperiksaan dan tarikh tutup bagi pendaftaran 'Late Entry' tersebut adalah pada Isnin, 28 Ogos 2017.

# Seluruh rakyat berperanan angkat nilai bahasa Melayu

Oleh : Aimi Sani

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil (dua, kanan) semasa menyaksikan pameran pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Ogos. - Bahasa Melayu mencerminkan keperibadian bangsa dan negara kerana melalui roh atau jiwa berbangsa dan bernegara dapat

ditiupkan bagi menghidupkan semangat jati diri yang kental untuk terus berjuang mempertahankan apa yang sudah dimiliki bangsa atau negara itu sendiri.

Menyedari ia satu tanggungjawab yang besar bagi memastikan hala tuju bahasa Melayu malar segar di hati penuturnya, maka pelbagai usaha sudah dan sedang dilaksanakan dan banyak lagi dalam perancangan.

Perkara tersebut ditegaskan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil ketika membacakan teks ucapan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa Majlis

Pelancaran Sambutan Bulan Bahasa 2017 bertempat di Dewan Digadong, Kementerian berkenaan.

"Jika kita amati, terdapat tiga faktor penting yang mendasari gagasan Bulan Bahasa, iaitu melalui 3M; Mobiliti, Motivasi dan Mentaliti. Mobiliti boleh diterjemahkan sebagai satu kaedah penggerak ke arah menyerantakan kepentingan bahasa Melayu ke seluruh negara. Manakala Motivasi pula menyeru agar seluruh rakyat yang bernaung di dalam negara ini sama-sama memainkan peranan ke arah pendaulatan bahasa ibunda melalui apa jua kegiatan yang dapat mengangkat nilai bahasa Melayu itu.

Berikan bahasa Melayu nilai tambah dari segi ekonomi dan sosial. Gunakan bahasa Melayu dalam iklan-iklan dan filem-filem tempatan, papan-papan perniagaan

dan sebagainya demi menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan bahasa Melayu itu dalam dan luar negara.

Akhir sekali faktor Mentaliti, iaitu usaha ke arah menanam sikap lebih proaktif dan bangga terhadap penggunaan bahasa kebangsaan. Jadikan bahasa Melayu itu setanding dengan bahasa asing yang lain sebagai bahasa ilmu dan bahasa yang mendunia kerana ke atas pundak merekalah terletaknya masa depan bahasa Melayu kita sebagai peneraju negara," terang Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila.

Terdahulu, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila menyentuh mengenai tema Bulan Bahasa pada tahun ini iaitu 'Bahasa Melayu Bahasa Kita' adalah satu tema yang cukup besar dan signifikan bagi mempamerkan rasa pemilikan kita terhadap bahasa kepunyaan kita.

## Suntik kesedaran mencintai bahasa Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Ogos. - Bulan Bahasa diraikan setiap tahun sebagai satu bentuk mekanisme untuk mengingatkan dan menyedarkan kita bahawa mencintai bahasa Melayu itu adalah sangat penting.

Sehubungan itu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah menganjurkan Pelancaran Sambutan Bulan Bahasa 2017 bertempat di Dewan Digadong, Kementerian berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil selaku wakil peribadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang

Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Juga hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Terdahulu, Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab dalam ucapan alu-aluannya berkata, Sambutan Bulan Bahasa pada tahun ini merupakan sambutan kali keenam semenjak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengisytiharkan bulan Julai sebagai bulan bahasa dalam titah baginda semasa Sambutan Jubli Emas DBP pada tahun 2011.

Majlis tersebut jelasnya, juga diselenggarakan dengan Pelancaran Edisi Khas Sempena Sambutan 50 Tahun Penerbitan Jurnal Beriga (1967-2017).

DBP terang, beliau, secara berterusan menjalankan pelbagai prakarsa yang positif bagi menyuntik semangat dan kesedaran dalam kalangan rakyat dan penduduk negara ini tentang peri pentingnya bahasa Melayu dalam kehidupan.

Majlis diteruskan dengan paparan slaid Bulan Bahasa diikuti dengan Ikrar Bahasa daripada Kadet Polis Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja Mentiri dan persembahan nyanyian 'Kukasih Bahasaku'.

Pada majlis tersebut, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila turut menyampaikan penghargaan, cenderamata dan hadiah-hadiah bagi Peraduan Menulis Esei Ilmiah Bahasa, Peraduan Menulis Esei Pangsura, Peraduan Menulis Cerpen Bahana, Pencipta Logo 50 Tahun Beriga, penyampaian Mock

Kad Easi Beriga serta penyampaian hadiah pelajar-pelajar cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu Peringkat GCE 'O' dan BCGCE 'A' Level.

Penolong Pengurus Am

Bahagian Perniagaan DST, Awang Haji Amer Iskandar bin Pehin Orang Kaya Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria turut menyampaikan replika kad easi edisi khas kepada tetamu kehormat majlis.



SETIAUSAHA Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila menyampaikan hadiah dan cenderamata kepada salah seorang pencipta Logo 50 Tahun Beriga.

## Dua cedera akibat kejadian pokok tumbang

Siaran Akhbar dan Foto :  
Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Ogos. - Seorang ayah dan anak perempuannya mengalami kecederaan apabila kenderaan yang dipandunya ditimpa sepon pohon yang tumbang pada kejadian yang berlaku berhadapan Peranginan Damuan, Jalan Tutong.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), pihaknya menerima panggilan sekitar jam 12.47 tengah hari dan mengerahkan dua buah jentera dari Balai Bomba Bandar Seri Begawan dan Balai Bomba Beribi ke tempat kejadian bersama 11 anggota bomba yang diketuai oleh SO Hanafi bin Haji Abdul Hamid.

Apabila pihak JBP sampai di tempat kejadian, dua pohon pokok didapati rebah dan menutup keseluruhan jalan raya serta menimpa sebuah kenderaan. Anggota JBP bertindak memotong pokok tersebut.

Sebelum pihak Bomba sampai, pemandu kereta, seorang lelaki



SEBUAH kenderaan ditimpa sepon pohon pokok yang tumbang pada kejadian yang berlaku berhadapan Peranginan Damuan, Jalan Tutong.

tempat berusia 42 tahun bersama anak perempuan berusia 14 tahun telah keluar dari kenderaan.

Pemandu cedera ringan di bahagian leher dan luka kelopak mata kiri, manakala anak

perempuannya cedera bengkak di bahagian kepala.

Kedua-dua mangsa dihantar ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) untuk mendapatkan rawatan.

## Mesin ATM, CDM BIBD di Petani Tutong

Siaran Akhbar : Bank Islam Brunei Darussalam

TUTONG, Khamis, 24 Ogos. - Untuk memberikan kemudahan kepada penduduk di Daerah Tutong, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) meluaskan rangkaian perbankan layan sendiri (*self-service*) dengan membuka ATM Ke-61 dan Mesin Deposit Tunai (CDM) Ke-22 yang terletak di seluruh negara.

Menurut Siaran Akhbar BIBD, ATM dan CDM tersebut ditempatkan di Tingkat Bawah, Blok 'D', Kompleks Berjaya, Simpang 59-41-14, Jalan. Pengiran Haji Ahmad, Kampung Petani, Tutong.

Pelancaran ATM dan CDM BIBD di Berjaya, Tutong adalah sejajar dengan usaha BIBD untuk lebih memudahkan pelanggannya.

Untuk maklumat lanjut mengenai sebarang perkhidmatan, produk dan promosi BIBD, bolehlah layari akaun Instagram BIBD di BIBDBRUNEI; Facebook di [www.facebook.com/bibdbrunei](http://www.facebook.com/bibdbrunei); atau berhubung dengan Pusat Perhubungan BIBD di +673 2238181 atau kunjungi Cawangan BIBD yang terdekat.

Orang ramai juga boleh memuat turun Aplikasi Mobile BIBD untuk mendapatkan tawaran dan promosi BIBD terkini di bawah ciri 'What's New'.



**IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**PERATURAN 7(A)**

BILANGAN IKLAN 69/8/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN: 26 OGOS 2017**

**TARIKH TUTUP: 09 SEPTEMBER 2017**

**1. KETUA PEGAWAI PENDAFTARAN KEBANGSAAN C.3-4 EB.5**  
 BAHAGIAN III  
 JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN  
 KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
**KEKOSONGAN : DUA (02)**

**PERATURAN 38(B)**

BILANGAN IKLAN 31/2017(SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian / jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan.

**TARIKH IKLAN: 26 OGOS 2017**

**TARIKH TUTUP: 23 SEPTEMBER 2017**

**1. PENYELIA KEGIATAN LUAR G.12**  
 BAHAGIAN II  
 JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM  
 KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
**KEKOSONGAN : SATU (01)**

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**HELPLINE:**

**TALIAN DARUSSALAM 123**



**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**TAWARAN :**

**MINDEF / DFA / RC / 175 (5)**

**DAILY HOUSEKEEPING TERM CONTRACT FOR DENTAL SERVICES BUILDINGS AT BERAKAS GARRISON - THREE (3) YEARS CONTRACT**

**Nota :** Site Visit akan diadakan pada minggu pertama bulan September 2017. Tarikh dan masa akan dimaklumkan kemudian.

**BAYARAN TAWARAN :**  
**BND30.00 (tidak dikembalikan)**

**SYARAT-SYARAT TAWARAN**

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baharu Kementerian Pertahanan, Bangunan Arkib, Tingkat Bawah, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garrison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 12 September 2017.** Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Bangunan Arkib (Tingkat Bawah), Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan pada hari-hari bekerja (Isnin hingga Rabu).

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan Bangunan Arkib (Tingkat Bawah), Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran :**

**Isnin hingga Rabu**  
**8.00 Pagi hingga 11.30 Tengah Hari**  
**2.00 Petang hingga 3.00 Petang**

Syarat-syarat dan iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>.



**BIRO MENCEGAH RASUAH  
 JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN : BMR/SH/4/2017/2018**

**TAJUK TAWARAN :**

**1. TAWARAN PEMELIHARAAN LANDSKAP DAN PEMOTONGAN RUMPUT KAWASAN IBU PEJABAT DAN BANGUNAN BARU BIRO MENCEGAH RASUAH (BMR) LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BIL. : BMR / SH / 04 / 2017 / 2018**

**BILANGAN TAWARAN : BMR / SH / 5 / 2017 / 2018**

**TAJUK TAWARAN :**

**2. TAWARAN PEMELIHARAAN LANDSKAP DAN PEMOTONGAN RUMPUT KAWASAN IBU PEJABAT DAN BANGUNAN BARU BIRO MENCEGAH RASUAH (BMR) CAWANGAN KUALA BELAIT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BIL. : BMR / SH / 05 / 2017 / 2018**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN adalah dipelawa pada syarikat-syarikat yang berkelayakan serta mempunyai Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (Certificate of Registration Business Names Act) yang sah.
2. Syarikat yang berhasrat untuk mengikuti tawaran ini dikenakan bayaran bagi setiap pengambilan satu (1) borang tawaran atau dokumen tawaran sebanyak **BND10.00 (Sepuluh Ringgit Sahaja)** dan hendaklah membuat pembayaran di Bahagian Kewangan, Biro Mencegah Rasuah pada waktu-waktu bekerja biasa dan salinan resit hendaklah disertakan semasa menghantar tawaran. Wang borang tawaran atau dokumen tawaran tidak akan dikembalikan dan akan menjadi hak milik kerajaan.
3. Tawaran hendaklah dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk dan bilangan tawaran tanpa menunjukkan identiti penawar.
4. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran ke alamat seperti berikut :

**Ibu Pejabat Biro Mencegah Rasuah  
 Bangunan Lama, Lapangan Terbang Lama Berakas  
 Bandar Seri Begawan  
 Negara Brunei Darussalam, BB3510.  
 tidak lewat dari jam 2.00 Petang, Selasa, 12 September 2017.**

5. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
6. Syarikat-syarikat yang berhajat boleh mendapatkan keterangan-keterangan lanjut berhubung dengan tawaran berkenaan di Bahagian Kewangan, Jabatan Biro Mencegah Rasuah, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam pada waktu bekerja biasa.
7. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran sama ada yang rendah atau lain-lain tawaran.



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**KENYATAAN TAWARAN**

**BILANGAN TAWARAN :**

**23 OGOS 2017 / KKBS / K / 4 / 11.3 (A) PT.6**

**TAJUK TAWARAN :**

**DESIGN, FABRICATE, SUPPLY & INSTALL TEMPORARY EXHIBITION AT ART GALLERY IN BRUNEI DARUSSALAM**

1. TAWARAN dibukakan pada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang mempunyai Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan yang sah dalam **Kategori Kerja KA01 dan B01 - Kelas II - IV sahaja.**

2. Main Contractor ataupun Penglibatan perkhidmatan Sub Contractor bagi kerja-kerja Elektrikal hendaklah daripada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam **kategori kerja E01.** Sijil pendaftaran hendaklah disertakan bersama dokumen tawaran.

3. Dokumen tawaran boleh diperoleh dari **Unit Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17 Jalan Kebangsaan, Brunei Darussalam** semasa hari / waktu bekerja.

4. Yuran tawaran adalah **BND30.00**

sahaja bagi setiap awaran dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong samaada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah (*bona-fide-tender*).

5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.**

6. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran (berwarna BIRU)** yang disediakan di :

**Tingkat 1  
 Ruang Masuk / Penyambut Tetamu  
 (depan kaunter sekuriti)  
 Bangunan Kementerian Kebudayaan,  
 Belia dan Sukan  
 Simpang 336-17  
 Jalan Kebangsaan, BS8110  
 Negara Brunei Darussalam.**

dan tarikh tutup tawaran : **Tidak lewat 5 September 2017, jam : 2.00 Petang Selasa.**

7. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada **Isnin, 4 September 2017, jam 3.30 Petang.**

## RUMUSAN BARANGAN KEPERLUAN HARIAN BAGI BULAN OGOS 2017 DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA

BIL	KETERANGAN	JAYA CENTREPOINT HYPERMARKET SDN. BHD. GADONG	MILIMEWAH DEPARTMENT STORE (BERAKAS BRANCH)	SUPA SAVE & SMART
<b>1</b>	<b>Mentega / Marjerin</b>			
	GOLDEN CHURN - 340 g	\$ 5.40	\$ 6.20	\$ 5.55
	QBB - 454 g	\$ 7.80	\$ 8.20	\$ -
	PLANTA; Margarine - 480 g	\$ 3.50	\$ 3.39	\$ 3.90
<b>2</b>	<b>Makanan Dalam Tin</b>			
	YEO'S; Chicken Curry - 145 g	\$ 1.45	\$ 1.39	\$ 1.55
	REX; Chicken Curry - 160 g	\$ 1.60	\$ 1.35	\$ -
	AYAM BRAND; Sardine In Tomato Sauce Oval - 215 g	\$ 2.25	\$ 2.19	\$ 2.45
	KARA; Natural Coconut Extract - 200 ml	\$ 1.10	\$ 1.15	\$ 1.10
	AYAM BRAND; Coconut Milk Blue Tin - 270 ml	\$ 1.80	\$ 1.80	\$ 1.90
	CHAKOAH; Coconut Milk Gata - 400 ml	\$ 1.70	\$ 1.59	\$ 1.60
	BABU KITCHEN; Coconut Milk Indo - 400 ml	\$ 1.75	\$ 1.59	\$ 1.90
<b>3</b>	<b>Telur Ayam</b>			
	1 Tray (30 biji) (Size M/B) - 1 tray	\$ 5.30	\$ 3.99	\$ -
<b>4</b>	<b>Susu Manis Pekat</b>			
	F&N - 390 g	\$ 1.00	\$ 0.99	\$ -
	MILKMAID - 388 g	\$ 1.10	\$ 1.10	\$ 1.05
	TEAPOT - 388 g	\$ 1.05	\$ -	\$ 1.25
<b>5</b>	<b>Minyak Masak</b>			
	SANIA - 5 ltr	\$ -	\$ 7.25	\$ 8.00
	SERI MURNI - 5 kg	\$ -	\$ 7.80	\$ 8.00
	MAZOLA; Corn - 3 kg	\$ -	\$ 16.80	\$ 16.80
	NATUREL; Sunflower - 3 kg	\$ 7.00	\$ -	\$ 10.80
	LABOUR @ CAP BURUH - 5 kg	\$ 9.90	\$ 10.90	\$ 9.90
	SUNCO; Vegetable - 2 ltr	\$ 4.05	\$ 4.05	\$ 4.10
	SUNCO; Vegetable - 5 ltr	\$ 8.99	\$ 8.99	\$ 8.95
	OLITALIA 100% Pure Olive Oil - 1 ltr	\$ -	\$ -	\$ 10.30
<b>6</b>	<b>Sirup Berperisa</b>			
	F&N SUN VALLEY; Grenadine - 2 lit	\$ 3.85	\$ 3.95	\$ 3.55
	F&N SUN VALLEY; Rose - 2 lit	\$ -	\$ -	\$ 3.55
	F&N SUN VALLEY; Sarsi - 2 lit	\$ -	\$ 3.95	\$ 3.55
	ROSE; Rose Syrup Flavour - 750 ml	\$ 4.20	\$ -	\$ 3.65
<b>7</b>	<b>Pencuci Pakaian</b>			
	EKONOMI; Handalan Putih Kekal Baru - 2.5 kg	\$ -	\$ -	\$ 5.50
	DAIA; Excellent Washing Powder - 2.5 kg	\$ 5.89	\$ 5.59	\$ 6.00
	BREEZE; Liquid Detergent - 2000 ml	\$ -	\$ -	\$ 8.30
	CLOROX; Liquid Bleach - 1 lit	\$ 1.90	\$ 2.00	\$ 2.00
<b>8</b>	<b>Mee Kering</b>			
	Cap Udang MBS - Medium Flat Sabah - 400 g	\$ 1.95	\$ 1.75	\$ -
	Falcon & Moon Stick Noodle Tai Thong - 150 g	\$ 0.55	\$ 0.50	\$ 0.55
	Wai Wai Oriental Style - 400 g	\$ 1.25	\$ 1.19	\$ 1.05
	CAP LIMA; Mee Hoon - 400 g	\$ 1.15	\$ 1.19	\$ 1.00
<b>9</b>	<b>Susu Cair</b>			
	COW BELL - 400 g	\$ 1.05	\$ -	\$ 1.00
	F&N - 400 g	\$ 1.15	\$ 1.05	\$ -
	IDEAL - 405 g	\$ 1.25	\$ 1.39	\$ 1.30
<b>10</b>	<b>Tepung</b>			
	PRIMA; Plain - 1 kg	\$ 2.15	\$ 1.99	\$ 2.00
	GREEN SP; Interflour - 1 kg	\$ 1.35	\$ 1.35	\$ 1.25
<b>11</b>	<b>Susu Tepung Berformula</b>			
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Asli - 900 g	\$ 8.75	\$ 8.60	\$ 11.30
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Honey Date - 900 g	\$ -	\$ 8.60	\$ -
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Chocolate Strawberry - 900 g	\$ -	\$ 8.60	\$ -
	DUMEX; Dugro 1 Plus (1-3 thn) Fruit & Vegetable - 900 g	\$ -	\$ 10.30	\$ -
	DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Honey Date - 900 g	\$ -	\$ -	\$ 8.65
	DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Chocolate Strawberry - 900 g	\$ -	\$ -	\$ 8.65
	DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Fruits & Vegetables - 600 g	\$ 6.95	\$ -	\$ 7.10
	DUMEX; Dugro 3 (1-3 thn) Tanpa Sukrosa (TS) Fruits & Vegetables - 900 g	\$ 10.20	\$ -	\$ 10.35
	NESTLE; Nan - 1 Pro Infant Formula (0 - 12 Bln)Langkah 1 (0 - 12 Mths) Pro Plus Bifidus B, Nukleotida DHA + ARA Stripe - {Turquoise} - 700 g (350g X 2)	\$ 26.90	\$ 26.90	\$ 27.50
	NESTLE; Nan - 1 Pro Infant Formula (0 - 12 Bln)Langkah 1 (0 - 12 Mths) Pro Plus Bifidus B, Nukleotida DHA + ARA Stripe - {Turquoise} - 900 g	\$ 34.80	\$ -	\$ -
	NESTLE; Nan - 2 Pro Follow Up Formula (6 Mths - 3 Yrs) Langkah 2 (6 Mths - 3 Yrs) Pro Plus Bifidus B, Nukleotida DHA + ARA Stripe - 700 g (350g X 2)	\$ 26.50	\$ 26.50	\$ 26.50
	NESTLE; Nan - 3 Grow Formulated Milk Powder For Children (1 - 3 Yrs) Pro Grow Bifidus B, Optipro LipidSmart DHA + ARA Stripe - {Blue} - 700 g (350g X 2)	\$ -	\$ 16.40	\$ -
<b>12</b>	<b>Ayam Segar</b>			
	Whole Chicken (Bulat) - 1 kg	\$ 4.29	\$ 4.39	\$ 4.30
<b>13</b>	<b>Iampin Bayi Pakai Buang</b>			
	DRYPERS; Wee Wee Dry Newborn (Up to 5 kg) - NB 28	\$ -	\$ 5.59	\$ 7.80
	DRYPERS; Small (3-7 kg) - S 32	\$ -	\$ 5.59	\$ 7.80
	DRYPERS; Medium (6-11 kg) - M 28	\$ -	\$ 5.59	\$ 7.80
	DRYPERS; Large (9-14 kg) - L 44	\$ -	\$ 12.90	\$ 12.90
	MAMY POKO; Newborn (Up to 5 kg) - NB 28+2	\$ -	\$ -	\$ 12.90
	MAMY POKO; Small (3-8 kg) - S 44	\$ -	\$ 13.69	\$ 13.90
	MAMY POKO; Medium (6-11 kg) - M 38	\$ 14.70	\$ -	\$ 13.90
	MAMY POKO; Large (9-14 kg) - L 32	\$ 14.70	\$ -	\$ 13.90
	EQ DRY; Newborn (Up to 5 kg) - NB 20/22	\$ -	\$ -	\$ 3.80
	EQ DRY; Small (3-7 kg) - S 40	\$ -	\$ -	\$ 7.50
	EQ DRY; Medium (6-11 kg) - M 36	\$ -	\$ -	\$ 7.50
	EQ DRY; Large (9-14 kg) - L 48	\$ -	\$ 10.29	\$ 7.50
<b>14</b>	<b>Mee Segera</b>			
	MAGGI; Curry - 80g x 5	\$ 1.35	\$ 1.35	\$ 1.35
	MAGGI; Ayam - 80g x 5	\$ 1.35	\$ 1.35	\$ 1.35
	INDO FOOD; Mee Goreng - 80g x 5	\$ 1.59	\$ 1.70	\$ 1.55
	INDO MIE; Mee Goreng (Old Packaging) - 80g x 5	\$ 1.40	\$ 1.55	\$ -
<b>15</b>	<b>Mayonis</b>			
	LADY'S CHOICE; Real Mayonnaise - 470 ml	\$ 4.15	\$ 4.50	\$ 4.90
<b>16</b>	<b>Milo @ Malaysia</b>			
	Nestle Milo - 1 kg	\$ 5.99	\$ 5.79	\$ 5.75
	Nestle Milo - 1.5 kg	\$ 10.90	\$ 10.90	\$ 10.40
<b>17</b>	<b>Minuman jenis uncang, serbuk dan botol</b>			
	BOH; Tea - 200 g	\$ -	\$ 2.60	\$ 2.60
	LIPTON; Yellow label - 200 g	\$ 2.15	\$ 2.20	\$ 3.50
	NESCAFE; Classic - 200 g	\$ -	\$ 7.19	\$ 7.90
	SEHAT; Botol - 1.5 litre	\$ 0.85	\$ 0.70	\$ 0.70
	SUCI; Botol - 1.5 litre	\$ 0.65	\$ 0.60	\$ 0.55
<b>18</b>	<b>Bawang</b>			
	Brown Onion (Bawang Besar) - 1 kg	\$ 1.30	\$ 0.98	\$ 1.20
	Garlic (Bawang Putih) - 1 kg	\$ 4.50	\$ 3.88	\$ 2.50
	Shallot (Bawang Merah) - 1 kg	\$ 2.90	\$ 2.68	\$ 2.30
<b>19</b>	<b>Sos</b>			
	Lee Kum Kee sos tiram - 510 gm	\$ 2.80	\$ -	\$ 6.20
	HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Salty Soy Sauce - 645 ml	\$ 3.15	\$ 2.70	\$ 2.75
	HABHAL @ CAP KIPAS UDANG; Sweet Soy Sauce - 645 ml	\$ 3.30	\$ 2.99	\$ 2.90
	MAGGI; Sos Cilli - 340 gm	\$ 1.15	\$ 1.19	\$ 1.05
	MAGGI; Sos Tomato - 325 gm	\$ 0.99	\$ 1.05	\$ 0.95
	NONA; Oyster Sauce (Sos Tiram) - 510 gm	\$ 2.05	\$ 1.80	\$ 2.10

\*Harga barang tertakluk kepada stok

\*\*\* Senarai penuh boleh diperolehi dari aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau laman sesawang [www.depd.gov.bn/cad](http://www.depd.gov.bn/cad)

Sebarang pertanyaan boleh hubungi JPKE +673223 0220 semasa waktu pejabat atau e-mel : [aduanpengguna@jpke.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpke.gov.bn) dan [consumercomplaint@jpke.gov.bn](mailto:consumercomplaint@jpke.gov.bn)

# ٥٠ تاهون ككل قرار ممرينته داتس تخت

## 50 TAHUN KEKAL KARAR MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA

# Peranan PPN dalam mendukung hasrat kepimpinan berdaulat



Oleh : Jabatan Peguam Negara dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Pelita Brunei, Jabatan Penerangan

**S**EBAGAI satu entiti perlembagaan yang dibayangkan oleh pengasas Perlembagaan Brunei; penekanan menurus pada kesaksamaan serta komponen utama negara berdaulat, terikat di sisi undang-undang menerusi mekanisme penubuhannya, Peguam Negara berkewajipan di bawah Perlembagaan 1959 untuk memberi nasihat tentang segala perkara undang-undang yang berhubung kait dengan hal ehwal Negara Brunei Darussalam yang dirujuk oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau kerajaan. Dengan yang demikian, Pejabat Peguam Negara (PPN) bertanggungjawab untuk memberi khidmat nasihat perundangan yang melibatkan pengambilan tindakan undang-undang bagi pihak kerajaan (sama ada sivil mahupun jenayah); bergiat dalam mana-mana perundingan perjanjian yang melibatkan kepentingan negara yang merangkumi aspek luaran dan dalaman, untuk mengekalkan *status quo*, dengan mengambil kira sebarang komitmen antarabangsa, dan menggubal undang-undang yang difikirkan perlu serta sesuai dengan amalan terbaik antarabangsa dan peredaran masa, selaras dengan dasar, wawasan juga aspirasi negara.

Pada awal tahun 1950-an, perihal perundangan negeri dikendalikan oleh Penasihat Undang-Undang Sarawak. Walau bagaimanapun, semenjak 29 September 1959, terdapat enam lantikan ke jawatan Peguam Negara, yang mana Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin bin Pengiran Haji Abas, merupakan warganegara tempatan pertama menjawat jawatan Peguam Negara pada tahun 1978. Begitu juga lantikan wanita tempatan pertama pada tahun 2009, iaitu Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh yang masih memegang jawatan tersebut ke hari ini. Hasrat untuk merealisasikan khidmat tempatan keseluruhan dalam jurusan undang-undang dalam PPN tercapai pada tahun 2011, bila mana jawatan Penggubal Undang-

Undang yang mana sebelum itu dijawat oleh seorang warga asing diisi oleh warganegara tempatan.

Pada awal penubuhan PPN yang asalnya bertapak di bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, hanya terdapat seramai lima warga kerja, termasuk Peguam Negara. Jumlah ini telah bertambah ke hari ini kepada lebih 90 pegawai perundangan tempatan yang bertauliah dengan dibantu oleh seramai lebih kurang 100 kakitangan dukungan. Dalam konteks sedemikian, ternyata PPN merupakan firma guaman terbesar di Negara Brunei Darussalam.

Pada tanggapan awalnya, penubuhan PPN bermakna dari segi sejarah perundangan negara, lebih-lebih lagi nyata dengan kegigihan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang tidak kendur-kendur, dalam memastikan kedaulatan negara dan hak-hak rakyat Baginda sentiasa dipelihara mengikut dasar-dasar yang dirancang dan dilaksanakan dengan teliti menerusi mekanisme perundangan yang bersesuaian. Ini adalah bertepatan dengan visi dan misi PPN untuk memelihara dan mendukung kedaulatan undang-undang bagi kestabilan dan kemakmuran negara.

Peranan PPN sememangnya mencabar, hatta pengutamaan dalam konteks perkembangan dan pembangunan organisasi. Kami bangga dapat melaksanakan kewajipan kami dan lebih penting lagi, menyumbang ke arah kemajuan negara secara keseluruhannya. Dalam melaksanakan tugas-tugas terasnya, PPN memerlukan tulang belakang pentadbiran yang dinamik untuk memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan tersebut. Tidak disangsikan lagi, semuanya dilakukan dengan sentiasa mendukung dan berpegang teguh kepada sifat-sifat murni aspirasi negara Melayu Islam Beraja.

Sebagai penasihat utama kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Peguam Negara menjalankan kewajipan-kewajibannya melalui bahagian-bahagian yang ditubuhkan di dalam PPN semenjak tahun 1996. Kecuali Pejabat Pendaftaran

Syarikat dan Nama Perniagaan dan Pejabat Pendaftaran Harta Intelek yang sejak itu masing-masing telah dipindahkan ke Kementerian Kewangan dan Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, setiap bahagian yang sedia ada telah menjalani pelbagai perubahan penstrukturan semula untuk menjajarkannya dengan keadaan semasa, iaitu Bahagian Penggubalan Undang-Undang dan Penyelidikan, Bahagian Keadilan Jenayah, Bahagian Sivil, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa dan Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Penekanan menurus pada usaha bersama dalam kalangan warga profesional PPN untuk memberikan nasihat perundangan yang berkualiti tinggi adalah selaras dengan Rancangan Strategik PPN 2012 - 2017.

Dalam menahut hasrat pucuk pimpinan agar warga kerja PPN diterapkan dengan kemahiran bidang perundangan yang relevan serta bermanfaat, lebih-lebih lagi mendukung hasrat ke arah menuju Wawasan 2035, pelbagai usaha yang berterusan dalam meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran diberi pengutamaan dari aspek perkembangan *human capital*. Pencapaian pengkhususan bidang di peringkat lepasan ijazah, serta penempatan kerja menimba pengalaman bidang perundangan yang khusus dari dalam dan luar negara, merupakan antara langkah-langkah yang akan terus dilaksanakan. Ke arah itu, PPN juga sedang melaksanakan inisiatif 'Talent Management' yang bertujuan untuk melakar program-program perkembangan yang bersistematis dan terarah untuk mencapai matlamat strategik PPN, iaitu peningkatan perkhidmatan perundangan yang berkualiti tinggi.

Pada masa ini, isu hal ehwal semasa kelihatan lebih menurus kepada pembaharuan ekonomi yang kini giat diusahakan. Adalah jelas menjadi hasrat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memastikan Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan dalam melaksanakan pembaharuan bagi tujuan kemajuan ekonomi. Perkara tersebut telah ditekankan dalam titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan dalam kalangan organisasi kerajaan hendaklah melaksanakannya dengan sebaik mungkin. PPN akan

terus memudahkan pembaharuan yang dicadangkan itu dengan usaha yang sewajarnya dan memastikan supaya rangka perundangan disediakan dengan berkesan bagi pelaksanaan dasar yang difikirkan perlu.

Pembaharuan ekonomi dengan tujuan untuk menggalakkan persekitaran pro-perniagaan, inisiatif menjana pendapatan serta kemapanan diberi keutamaan dan berbagai-bagai undang-undang bertulis telah diluluskan dan bakal dipertimbangkan dari semasa ke semasa bagi memudahkan dan menyesaikannya dengan perubahan demi kebaikan masyarakat keseluruhannya. Antara kriteria yang diberikan tumpuan adalah pembaharuan ke arah Kemudahan Menjalankan Perniagaan di Negara Brunei Darussalam yakni Ease of Doing Business (EODB) in Brunei Darussalam. PPN akan terus memberikan sokongan dalam membantu Jawatankuasa Pandu Penggerak untuk mencapai matlamat negara.

Malah lebih penting lagi adalah kewajipan untuk memastikan bahawa sebarang pembaharuan tidak mengendalakan kepentingan utama negara bagi memastikan bukan sahaja kestabilan dari perspektif ekonomi, malahan juga untuk mengimbangi aspek sosiopolitik negara kita pada keseluruhannya. PPN akan terus berusaha untuk mempertahankan prinsip-prinsip teras negara dan akan terus berfungsi dalam memberikan khidmat nasihat undang-undang yang bermutu tinggi kepada Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Perjalanan yang tidak berpenghujung ini mungkin dilihat oleh kebanyakan orang sebagai tugas yang sukar dan tidak berkesudahan, dan memang benar demikian. Walau bagaimanapun, kemajuan sememangnya dikecapi selaras dengan usaha dan azam yang tiada henti-henti. Kuncinya ialah faktor kemapanan dan dengan itulah PPN berazam untuk mencapainya. Dengan berkat daulat dan niat ikhlas Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, negara kita mudah-mudahan diberkati dan terus menikmati keamanan dan kemakmuran untuk selamalamanya.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan meninjau Tamu Kianggeh.

**M**UKIM Kianggeh merupakan sebuah mukim yang terletak dalam Daerah Brunei dan Muara bersempadan dengan Mukim Berakas 'A' dan Mukim Berakas 'B'. Ia juga merupakan tempat terletaknya bandar ibu negara, Bandar Seri Begawan. Mukim Kianggeh juga merupakan salah sebuah daripada 38 mukim yang terdapat dalam Negara Brunei Darussalam juga merupakan satu daripada 17 mukim yang terletak dalam pentadbiran Daerah Brunei dan Muara.

Mukim Kianggeh juga merangkumi beberapa kampung yang boleh dibahagikan pada dua kawasan utama : Pusat Bandar Seri Begawan dan kawasan Bandar Seri Begawan.

Pusat Bandar Seri Begawan termasuk kawasan Kampung Kianggeh, Berangan, Tasek Lama, Padang, Sumbiling, kawasan Pusat Sejarah, kawasan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan kawasan Perdagangan Bumi Putera.

Kawasan Bandar Seri Begawan termasuk kawasan seperti kawasan Mabohai, kawasan Tong Kadeh, Kumbang Pasang, Seri Kompleks (juga dikenali sebagai Batu Satu), Parit (Serigan), Tumasek dan Telanai.

Apa yang menarik tentang kewujudan Kampung Kianggeh ini, di mana terdapat beberapa daya tarikan bagi para pelancong, iaitu Tamu Kianggeh ertinya

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto : Jabatan Penerangan

Pasar Kianggeh yang terletak di sepanjang Sungai Kianggeh.

Bagi penduduk setempat, Tamu Kianggeh memiliki sejarah tersendiri kerana merupakan pasar tertua, sudah berdiri lama sejak tahun 1960-an sebagai warisan kebangsaan dan telah ada selama bertahun-tahun dan ia merupakan salah satu pasar tertua di negara ini.

#### LATAR BELAKANG SEJARAH TAMU KIANGGEH

Sebelum terdapatnya pasaran yang dibuka di kawasan Kianggeh ia hanyalah merupakan Sungai Kianggeh.

Tamu Kianggeh bermula pada awal 1960-an, di mana pada masa yang sama wujud 'padian' wanita menjual pelbagai barangan makanan kering dan basah dengan menggunakan perahu. Tetapi apabila padian mula pupus, penduduk tempatan lebih memilih untuk bekerja di atas tanah dengan kerajaan dan sektor swasta di Bandar Seri Begawan dan menjalankan perniagaan mereka di satu tempat yang dinamakan Tamu Kianggeh yang mereka rasakan sesuai untuk mereka menjalankan perniagaan memandangkan ia berhampiran dengan pusat komersial, dan bandar yang membolehkan lebih banyak orang ramai untuk datang membeli barangan jualan mereka.

# Tamu Kianggeh kekal sebagai 'tamu' warisan

Sejarah juga mencatatkan, di mana sekitar tahun 1980-an, Tamu Kianggeh pernah dilawati oleh Ratu Elizabeth sebanyak dua kali dan begitu juga puteranya, iaitu Putera Charles.

Selain menjadi tempat untuk menjual pelbagai jenis sayuran, kuih-muih juga hasil kraf tangan orang-orang kampung, Tamu Kianggeh juga menjadi tempat yang popular untuk jurugambar dan pengembara. Tamu Kianggeh dipilih sebagai salah satu lokasi dalam program 'Antony Worrall Thompson : Pengembaraan di Negara Brunei Darussalam', ditayangkan di Discovery TLC pada Mac 2011.

#### TAMU KIANGGEH BERWAJAH BAHARU

Atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, baginda berkenan bercecam duli berangkat melawat Tamu Kianggeh pada 7 Februari 2016.

Sifat pemeduliaan baginda jelas kelihatan melalui lawatan berkenaan, di mana baginda berinteraksi bersama para penjaja sambil meninjau aktiviti harian.

Semasa lawatan kerja ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada 13 Februari 2016, baginda bertitah melahirkan rasa tidak menyenangkan semasa menyaksikan keadaan di Tamu Kianggeh yang tidak tersusun berselorkaran, tempat laluan yang sukar dilalui termasuk barang-barang yang diletakkan sesuka hati tanpa menghiraukan keselamatan orang lain yang berhampiran.

Berkat pimpinan baginda, Kompleks Tamu Sungai Kianggeh yang baharu dibina dan tamu ini mula beroperasi pada 1 Jun 2016 dari pukul 6 pagi hingga 6 petang.

Kompleks tamu tersebut berkeluasan 4,450 meter persegi itu dibina dengan infrastruktur lebih moden dan teratur yang boleh meningkatkan suasana perniagaan dan penjaja yang lebih baik seterusnya dapat memberikan peningkatan pada hasil perniagaan.

Selain itu, dapat memberikan pemandangan berniaga dan berjaja yang lebih bersih dan sihat serta memberikan penyelesaian kepada peniaga, penjaja dan



pelanggan dengan kawasan yang lebih luas.

Dengan wajah baharu, Kompleks Tamu Kianggeh akan dapat meningkatkan iklim perniagaan yang lebih mesra untuk semua pihak.

Kompleks tersebut menyediakan beberapa kemudahan, antaranya lapan blok bangunan yang menempatkan 313 buah bangku jualan selain bilik ibadat lelaki dan perempuan yang bukan saja memberi keselesaan kepada peniaga dan penjaja kompleks tamu berkenaan tapi juga kepada pengunjung yang datang ke kompleks itu.

Selain itu, kompleks tersebut juga menyediakan pejabat pengurusan, Bilik Kawalan Keselamatan Pasukan Polis Diraja Brunei, kawasan tempat duduk orang ramai, pondok sampah, tandas awam dan tempat penurunan perahu.

Daripada jumlah blok yang disediakan, lima blok bangunan menyediakan 147 bangku bagi menempatkan peniaga dan penjaja yang menggunakan petak kekal secara harian sementara tiga blok bangunan lagi menyediakan 164 bangku menempatkan penjaja setiap Jumaat dan Ahad.

Dengan adanya Kompleks Tamu Kianggeh yang baharu itu diharapkan menjadi satu tarikan yang memberikan kemudahan kepada penjaja, pengunjung dan pelanggan untuk mendapatkan keperluan.



LIMA blok bangunan menyediakan 147 bangku bagi menempatkan peniaga dan penjaja yang menggunakan petak kekal secara harian sementara tiga blok bangunan lagi menyediakan 164 bangku menempatkan penjaja setiap Jumaat dan Ahad.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

# Hikmah dan kelebihan ibadah korban

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 Ogos. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Tanah Jambu telah mengadakan Majlis Forum 'Pengertian Ibadah Qurban' bertempat di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Awang Haji Mohd. Yusra bin Haji Mohd. Salleh.

Ahli-ahli panel forum terdiri daripada Penolong Pensyarah Bidang Hadis, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Md. Khairul Nazif bin Haji Awang Damit dan Dr. Achmad Yani dari Republik Indonesia yang dipengerusikan oleh Awang Hamzah bin Haji Jaili.

Forum antara lain mengingati sejarah pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam dan Nabi Ismail Alaihissalam, di samping menyentuh mengenai ibadah korban semenjak ia diamalkan di zaman Nabi Adam 'Alaihissalam.

Ibadah korban adalah di antara amalan yang sangat dituntut oleh agama Islam dan mempunyai banyak hikmah dan kelebihan antaranya ialah sebagai tanda syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala terhadap nikmat dan rezeki yang dikurniakan-Nya dan juga merupakan antara jalan untuk mendekati diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis seumpama ini dihasrat akan memberikan kesedaran kepada masyarakat di negara ini bagi sama-sama berperanan untuk mensyukuri nikmat yang telah diberikan oleh-Nya.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Awang Haji Mohd. Yusra bin Haji Mohd. Salleh hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Forum 'Pengertian Ibadah Qurban'.

## ICBEF 2017 bincang strategi kemapanan masa depan Asia



SALAH seorang daripada yang hadir mengajukan soalan kepada Profesor Charles Horioka.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad menyampaikan cenderahati kepada Profesor Charles Horioka.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**TUNGKU LINK,** Rabu, 23 Ogos. - Perubahan sosial dan ekonomi khususnya di Asia telah memberikan cabaran besar terhadap pembangunan dan perniagaan untuk terus berkembang maju.

"Cabaran ini memberikan peluang kepada agensi-agensi berkepentingan khususnya institusi penyelidikan dan kerajaan dalam membangun, merancang dan melaksanakan strategi mapan

bagi membuka peluang baru, meningkatkan produktiviti dan mempelbagaikan inovasi khususnya dalam bidang perkeonomian," ujar Pengerusi Persidangan Antarabangsa bagi Perdagangan, Ekonomi dan Kewangan (ICBEF) 2017, Profesor Ahmed M Khalid pada Majlis Pembukaan persidangan yang berlangsung di Bilik Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam

(UBD), di sini.

Beliau turut menekankan bahawa ICBEF 2017 merupakan platform yang penting bagi merealisasikan pelaksanaan pembangunan tersebut dan berharap ia akan dapat digunakan oleh semua peserta untuk melebarluaskan jalur rangkaian hubungan kerjasama dan seterusnya berkongsi pengalaman serta pandangan bersama pakar-pakar bertaraf antarabangsa yang menyertai persidangan tersebut.

Hadir pada majlis itu ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji

Azman bin Ahmad.

Majlis itu turut menyaksikan pembentangan kertas kerja utama "Do people leave bequest? If so, why and does it matter?" yang disampaikan oleh Timbalan Presiden Institut Penyelidikan Perkembangan Asia, Jepun, Profesor Charles Horioka.

Lebih 60 kertas kerja daripada 14 buah negara termasuk United Kingdom, Portugal, Pakistan, Turki, Poland, Nigeria, Australia, China, Jepun, Malaysia, Republik Singapura, Thaliand dan Indonesia akan dibentangkan sepanjang persidangan berlangsung.

Persidangan dua hari itu

akan menyentuh mengenai pelbagai isu-isu menarik seperti pengurusan perniagaan, pemasaran, pengurusan sumber tenaga manusia, perakaunan, kewangan, ekonomi dan sistem informasi teknologi.

ICBEF 2017 yang dianjurkan oleh Sekolah Perdagangan dan Ekonomi (SBE), UBD pada tahun ini membawa tema 'Perubahan, Cabaran, Peluang : Strategi bagi Kemapanan Masa Depan di Asia'.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai persidangan ini, orang ramai boleh melayari laman sesawang rasmi <http://sbe.ubd.edu.bn/ICBEF/main.aspx>.

## Program Sua Muka dekati Kampung Sungai Kelugos

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG,** Khamis, 24 Ogos. - Dalam usaha untuk mendekati penduduk kampung di negara ini, Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Tutong meneruskan lagi Program Sua Muka yang diadakan di kediaman Ketua Kampung Sungai Kelugos, Mukim Keriam, Awang Haji Ismail bin Haji Mohammad.

Rombongan Jabatan Penerangan diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Pihak Majlis Perundingan Kampung antara lain mengongsikan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan dan kesejahteraan mukim dan kampung, sementara

pihak jabatan mengongsikan maklumat-maklumat penting dengan lebih terperinci seperti Wawasan Brunei 2035, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, keusahawanan serta Program Masyarakat Bermaklumat sebagai landasan Jabatan Penerangan dalam menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan lawatan-lawatan mengikut kesesuaian.

Program Sua Muka adalah salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan, iaitu komunikasi bersemuka, yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara pihak




ROMBONGAN Jabatan Penerangan diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dalam Program Sua Muka bagi Kampung Sungai Kelugos di Daerah Tutong.

kerajaan dan rakyat dan juga sebagai salah satu aktiviti berterusan yang diungkuhkan oleh Jabatan Penerangan melalui

Cawangan Penerangan Tutong. Dengan adanya program sedemikian ia akan dapat memupuk semangat kekitaan dan

bertanggungjawab terhadap negara serta menyemai hubungan yang erat di antara kerajaan dengan rakyat.

# Adab dan etika dalam Sembahyang Fardu Jumaat



masjid untuk mengingati Allah dengan mengerjakan Sembahyang Jumaat dan tinggalkanlah berjual beli (pada saat itu), yang demikian itu lebih baik bagi kamu, jika benar kamu mengetahuinya."

Sesungguhnya Sembahyang Fardu Jumaat merupakan perhimpunan mingguan yang memberikan manfaat yang amat besar kepada seluruh umat Islam untuk kehidupan di dunia dan di akhirat. Antara manfaat tersebut adalah untuk menambahkan ilmu pengetahuan, menerima nasihat dan tunjuk ajar, meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta mengambil pengajaran dan iktibar daripada khatib. Dengan hadir ke masjid untuk menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat juga kita dapat saling kenal-mengenal, dapat menyatupadukan dan mengeratkan hubungan silaturahim sesama jiran dan masyarakat berbagai bangsa. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Daripada Abu al-Jaad al-Dhamriy katanya, bersabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam : *Barang siapa secara mudah meninggalkan Sembahyang Fardu Jumaat sebanyak tiga kali berturut-turut, Allah Subhanahu Wata'ala akan menjadikan hatinya keras untuk menerima kebenaran.*"

Setiap amal ibadah yang dilakukan mempunyai tata tertib atau adab-adabnya tersendiri. Begitu juga dengan Sembahyang Fardu Jumaat, dengan menyempurnakan adab tersebut, kita akan beroleh pahala dan ibadat kita menjadi lebih sempurna. Antara adab-adab tersebut ialah sebelum ke masjid, kita disunatkan mandi sunat Jumaat terlebih dahulu, memakai wangi-wangian. Kita disunatkan datang awal ke masjid dan mendapatkan saf yang pertama atau saf yang paling

hadapan dan mengisi masa di dalam masjid dengan beriktikaf, membaca Al-Quran, berzikir, mengerjakan sembahyang sunat dan memperbanyakkan selawat ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dalam cara berpakaian, sudah tentu pakaian tersebut hendaklah terbaik dan bersih dan hindarkanlah dari memakai pakaian yang mempunyai corak, gambar-gambar atau mengandungi perkataan-perkataan kerana ia boleh mengganggu kekhusyukan jemaah lain untuk beribadat. Islam telah pun memberi garis panduan atau etika berpakaian semasa menunaikan sembahyang, iaitu menutup aurat dan bersih.

Ketika khatib membaca khutbah, kita hendaklah diam dan mendengar isi kandungan khutbah serta menumpukan perhatian yang sepenuhnya. Sesungguhnya sikap tidak menumpukan perhatian ketika khutbah disampaikan adalah sikap yang sangat buruk. Mendengar khutbah merupakan suatu kemestian bahkan kita dilarang melakukan ibadah sunat seperti berzikir atau membaca Al-Quran ketika khatib sedang berkhutbah, apatah lagi membuat perkara yang sia-sia seperti tidur, menggunakan atau bermain telefon bimbit. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "Dari Abu Hurairah berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *Barang siapa yang berwuduk dan menyempurnakan wuduknya kemudian dia pergi ke masjid untuk menunaikan Sembahyang Jumaat, lalu mendengar khutbah dan tidak bercakap ketika khutbah dibacakan, maka diampunkan dosa-dosanya yang ada antara hari Jumaat itu dengan hari Jumaat berikutnya dan ditambah tiga hari lagi. Dan barang siapa yang bermain-main*

denga anak-anak batu ketika khtbah dibacakan, maka ia telah berbuat sia-sia."

Memang tidak dinafikan terdapat juga beberapa jemaah kurang memberikan tumpuan terhadap khutbah yang disampaikan, ada yang leka bercerita, bergurau senda, bahkan terdapat juga jemaah yang mendengar khutbah di dalam kereta sahaja, ada pun yang tidak sempat mendengar khutbah kerana lambat hadir ke masjid. Selain itu, terdapat juga kanak-kanak yang berkeliaran dan membuat bising ketika khutbah disampaikan. Oleh itu, ibu bapa atau penjaga hendaklah memainkan peranan penting untuk mengawasi dan memata-matai anak-anak mereka supaya tidak melakukan sebarang perbuatan yang boleh mengganggu kekhusyukan para jemaah lain untuk beribadat.

Marilah kita sama-sama menjaga adab-adab dan etika dalam menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat. Memanfaatkanlah dan rebutlah peluang beramal ibadat pada hari Jumaat yang hanya datang sekali dalam seminggu, semoga dengannya juga kita dapat mempertingkatkan amal ibadat kita dari semasa ke semasa. Mudah-mudahan dengan adab dan etika yang kita amalkan, kita akan mendapat kesempurnaan dalam ibadat dan mudah-mudahan ibadat yang kita lakukan mendapat rahmat dan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Mu'minun, ayat 1 - 3 :

**Tafsirnya :** "Sesungguhnya berjajalah orang-orang beriman, iaitu orang-orang yang khusyuk dalam sembahyang mereka dan orang-orang yang menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang sia-sia."

## YSHHB hulur sumbangan kepada mangsa kebakaran

Berita dan Foto : Rohani Haji Abdul Hamid



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah, Dato Paduka Awang Eddie (tengah) menerima sumbangan daripada Dato Paduka Haji Sunny (kiri) menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada salah seorang penerima pada majlis yang berlangsung di rumah Penghulu Mukim Peramu, Pengarah Dato Paduka Awang Haji Ismit bin Pengarah Mukim Haji Naim.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 25 Ogos. - Dalam usaha untuk terus memberikan perhatian dan pemedulian terhadap kebajikan dan kesejahteraan keluarga yang ditimpa musibah kebakaran rumah yang lalu di

Kampung Bakut Siraja Muda A, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba dan RPN Kampung Lambak Kanan, sehubungan itu, Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah (YSHHB) menghulurkan bantuan dalam

bentuk kewangan kepada mangsa yang terlibat.

Majlis Penyampaian Bantuan YSHHB yang berlangsung di rumah Penghulu Mukim Peramu, Pengarah Dato Paduka Awang Haji Ismit bin Pengarah Mukim Haji Naim itu disempurnakan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny.

Jumlah keseluruhan bantuan yang disumbangkan oleh YSHHB ialah sebanyak BND23,100.00 yang dihasratkan bagi meringankan beban mangsa untuk terus kembali menjalani kehidupan seharian.

Sebanyak lima buah ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran tersebut menerima sumbangan daripada YSHHB.

Seorang mangsa kebakaran semasa ditemui oleh Pelita Brunei melahirkan rasa syukur kerana menerima sumbangan kewangan daripada pihak YSHHB untuk meringankan beban perbelanjaan seharian.

Menurutnya, sumbangan itu adalah sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat yang memerlukan bantuan.

## Negara beri sokongan tegas dalam kerjasama kesihatan 'Belt and Road'

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 26 Ogos. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi telah menghadiri Mesyuarat Peringkat Tinggi 'Belt and Road' bagi Kerjasama Kesihatan di Beijing, China pada 18 hingga 20 Ogos 2017.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain menyatakan sokongan tegas Negara Brunei Darussalam untuk rangka kerja Inisiatif 'Belt and Road' bagi Kerjasama Kesihatan.

Yang Berhormat menekankan inisiatif tersebut memainkan peranan penting sebagai platform bersama untuk mencari penyelesaian dalam menangani masalah kesihatan.

Menteri Kesihatan juga menjelaskan, 'Towards a Health Silk Road' dapat mencapai aspirasi pembangunan mampan melalui pendekatan holistik yang menekankan pada agenda 'Kesihatan adalah agenda setiap orang.'

Ini menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan dapat dicapai melalui penglibatan antara sistem kesihatan dan komuniti yang lebih luas melalui kerjasama pelbagai sektor yang memberikan perubahan tingkah laku di peringkat penduduk.

Dengan visi 'Towards a Health Silk Road', China dan semua negara berkaitan 'Belt and Road' merancang untuk bekerjasama dalam beberapa bidang keutamaan kesihatan termasuk pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit, pembinaan kapasiti penjagaan kesihatan, latihan dan pertukaran kakitangan dan promosi perubahan tradisional.

Di samping permesyuaratan, delegasi negara juga mengadakan pertemuan bersama Naib Perdana Menteri China, Puan Yang Terutama Liu Yan Dong; Menteri Kesihatan Negara China, Puan Yang Terutama Li Bin yang juga selaku Suruhanjaya Perancang Keluarga.

Delegasi juga mengadakan pertemuan dua hala dengan Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Dr. Tedros Adhanom Ghebreyesus untuk membincangkan isu-isu dasar kesihatan semasa.

Delegasi juga menghadiri perbincangan meja bulat mengenai perkara-perkara berkaitan Akreditasi dan Pengawasan Antarabangsa, Pelaburan dan Perdagangan Antarabangsa, Pemimpin Pemuda Kesihatan Global dan kepentingan latihan dalam gaya hidup rakyat.

Sebagai sebahagian daripada program, delegasi negara juga membuat lawatan kerja ke Ekspo Industri Kesihatan China dan beberapa institusi penjagaan kesihatan di Beijing termasuk China National Pharmaceutical Group Corporation, Akademi Sains Perubatan China dan Peking Union Medical College, General Electric (GE) Healthcare, Taman Sains Kehidupan Zhongguancun dan Syarikat Pembentukan Perubatan.

# UNISSA anjur Kursus Bahasa Al-Quran

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengalu-alukan penyertaan orang ramai untuk mengikuti Kursus Bahasa Al-Quran bagi sesi Ogos 2017.

Menurut Siaran Akhbar UNISSA tersebut, Bahasa Al-Quran adalah bahasa yang menjadi sarana yang sangat efektif untuk memahami kemurnian pelaksanaan ibadah.

Keistimewaan bahasa Al-Quran ini nampak terserlah dengan penurunan Al-Quran itu sendiri

yang bukan hanya ditujukan kepada bangsa Arab saja malahan untuk seluruh umat manusia sepanjang zaman.

Oleh itu, UNISSA menawarkan tiga program kepada orang ramai, iaitu Program Mari Belajar Bahasa Al-Quran (MBBQ), Program Kemahiran Bahasa Al-Quran (PKBQ) dan Program Tatabahasa Bahasa Al-Quran (PTBQ).

Setiap program mengambil masa tiga bulan dan diadakan di UNISSA.

Program MBBQ diadakan sekali seminggu, iaitu setiap Jumaat atau

Ahad pada jam 8.30 pagi hingga 10.30 pagi.

Manakala PKBQ dan PTBQ diadakan selama dua hari dalam seminggu, iaitu setiap Jumaat dan Ahad, jam 8.30 pagi hingga 10.30 pagi.

Pada pengambilan kali ini, seramai 61 orang telah mendaftar mengikuti program MBBQ yang telah bermula pada 18 Ogos 2017.

Antara tenaga pengajarnya adalah terdiri daripada kalangan pensyarah-pensyarah Fakulti Bahasa Arab, UNISSA.

Tujuan Kursus Bahasa Al-Quran itu diadakan adalah untuk merealisasikan konsep Negara Zikir dan rakyat celik Al-Quran

sepertimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA melalui talian +673 2462000 sambungan 204 / 202 ataupun melayari laman sesawang [www.unissa.edu.bn](http://www.unissa.edu.bn).

TENAGA pengajar terdiri daripada kalangan pensyarah-pensyarah Fakulti Bahasa Arab, UNISSA.



## Perwakilan BIBD sertai Program Kepimpinan Kewangan Islam Cambridge

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 Ogos. - Dua pegawai Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), iaitu Pemangku Ketua Kumpulan Perbankan Antarabangsa, Syed Alwi bin Syed Abdullah Alkaff dan Timbalan Ketua Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas, Awang Haji Mohd. Yusri bin Haji Wahsalfelah baru-baru ini berjaya menamatkan Program Kepimpinan Kewangan Islam Cambridge Ke-3 (Cambridge - IFLP).

Menurut Siaran Akhbar BIBD, dalam pada itu, Pengerusi

PERWAKILAN Bank Islam Brunei Darussalam, iaitu Pemangku Ketua Kumpulan Perbankan Antarabangsa, Syed Alwi bin Syed Abdullah Alkaff dan Timbalan Ketua Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas, Awang Haji Mohd. Yusri bin Haji Wahsalfelah menerima sijil selepas mengikuti Program Kepimpinan Kewangan Islam Cambridge Ke-3.

Eksekutif Cambridge IF Analytica, Profesor Humayon Dar turut mengiktiraf Awang Haji Mohd. Yusri bin Haji Wahsalfelah sebagai berpotensi utama bagi kepimpinan dalam perbankan dan kewangan Islam.

Beliau adalah antara enam perwakilan cemerlang yang mempamerkan kualiti kepimpinan luar biasa juga proaktif dalam perbincangan serta aktiviti dan menerima Anugerah Kepimpinan Kewangan Islam Cambridge.

Penyertaan BIBD pada majlis itu adalah selaras dengan misi dan strateginya untuk mewujudkan profesional kelas dunia yang akan menyokong rancangan pembangunan jangka panjang Brunei, Wawasan Brunei 2035, menjadi sebuah negara yang diakui secara meluas untuk pencapaian rakyat yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

Program itu diadakan di Kolej

Clare, Ahli Sindiket University of Cambridge, di mana sejumlah 50 delegasi terdiri daripada penceramah dan mentor dari 15 negara dari Amerika Syarikat, Eropah, Timur Tengah dan Asia menyertai program lima hari tersebut.

Para penasihat dan penceramah terkenal termasuk Ketua Pegawai Eksekutif Fajr Capital, Dato Paduka Iqbal Khan; Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Islamic Bank, Rafe Haneef; Pengarah Eksekutif Khazanah Nasional Berhad, Dato 'Izani Ghani; Setiausaha Agung Perakaunan dan Organisasi Institusi Kewangan Islam, Bahrain, Dr. Hamed Meerah; Pengetua Institut Pengajian Tinggi Markfield, United Kingdom, Dr. Zahid Parvez dan Pengerusi Amanie Advisors, Datuk Dr. Mohd Daud Bakar adalah antara yang menyertai program berkenaan.

## Lapan usahawan sertai Forum ASEAN +3

Berita dan Foto : Ihsan Marina Jamalullail

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 Ogos. - Seramai lapan usahawan tempatan meninggalkan negara ini bagi menghadiri Forum Usahawan Muda ASEAN +3 di Phnom Penh, Kemboja yang akan berlangsung pada 24 dan 25 Ogos.

Mereka terdiri daripada Dayang Amalina binti Haji Ash'ari dari Newgate Plus Company; Awangku Abdul Azim bin Pengiran Yusof dari Teachmeguru; Awang Hafriz Musa dari CONFEX, Awang Haji Syed Mohd. Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah dari Battle Pro

Event; Dayang Huwaida Ishaq dari Heartwrite Co.; Awang Mohd. Hafizal bin Haji Hassan dari Feezy Wuzzy Beanbag; Dayang Siti Aishah binti Haji Jaafar dari Pembuatan Pakaian dan Tailoring MasMariah dan Dayang Yati Omar dari Globex Global Logistics Sdn. Bhd.

Forum Usahawan Muda ASEAN +3 bertujuan untuk menekankan pentingnya peranan usahawan muda dalam membangunkan Komuniti ASEAN hari ini.

Forum tersebut akan memberi para usahawan muda peluang untuk meningkatkan kerjasama perdagangan serantau, mewujudkan rangkaian dan bertukar idea perniagaan ke arah memperluas dan membangunkan Komuniti ASEAN.

Delegasi akan menghadiri sesi pembentangan dan perbincangan tentang peranan penting wanita dan usahawan muda dalam pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), perdagangan

dan ekonomi di Asia Timur; serta cara terbaik memberi sokongan dan memberikan akses pada sumber kepada usahawan untuk manfaat pembangunan PKS dan pembangunan Komuniti ASEAN.

Bagi kebanyakan perwakilan, forum menyediakan peluang yang sempurna untuk rangkaian dan bekerjasama dengan perniagaan antarabangsa dan mengembangkan pasaran mereka.



SERAMAI lapan usahawan tempatan menghadiri Forum Usahawan Muda ASEAN +3 yang akan berlangsung pada 24 dan 25 Ogos ketika bergambar ramai sebelum berlepas ke Phnom Penh, Kemboja.

## Dakwaan mata wang BND20 tersalah cetak

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 Ogos. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) mendapati bahawa ada gambar mengenai mata wang polimer BND20 yang didakwa tersalah cetak tersebut melalui media sosial.

Menurut Siaran Akhbar, AMBD ingin memaklumkan bahawa pihak AMBD tidak ada menerima sebarang aduan secara rasmi mengenai mata wang tersebut.

AMBD memohon kerjasama orang ramai untuk tidak menyebarkan maklumat yang tidak sahih dan boleh mengelirukan orang awam.

Sebarang keraguan mengenai mata wang Negara Brunei Darussalam, sila hubungi AMBD melalui talian +673 2382186 atau melalui e-mel [cmu@ambd.gov.bn](mailto:cmu@ambd.gov.bn).

# Program Awasi Anak Kitani di Mukim Tanjong Maya



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, Penghulu Mukim Tanjong Maya (empat, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Program Awasi Anak Kitani.



AWANG Ratno Eddy Sophian bin Haji Zaidi dari Bahagian Keadilan Jenayah, Pejabat Peguam Negara menyampaikan taklimat 'Jenayah Siber'.

melalui sesi taklimat dan pameran, terutamanya kepada para ibu bapa atau penjaga dan tidak lupa juga belia-belia tentang pencegahan daripada gejala penyalahgunaan dadah dan aktiviti yang tidak sihat yang akan disampaikan oleh pihak BKN.

Tambahnya, JKDN akan menerangkan mengenai tugas dan tanggungjawab jabatan tersebut serta perkara-perkara di bawah pantauan jabatan berkenaan dan pihak PPN pula akan menyampaikan tentang jenayah siber.

Melalui program berkenaan, masyarakat mukim dan kampung khususnya yang mempunyai anak remaja, akan mendapat ilmu pengetahuan yang boleh membantu mereka, mengawasi serta bertindak jika menyedari perbuatan anak-anak mereka yang mencurigakan.

Sesi soal jawab juga diadakan selepas taklimat bagi menguatkan lagi kefahaman para jemputan yang menghadiri program tersebut dan seterusnya menyaksikan bahan pameran dari BKN dan JKDN.

Program tersebut diwujudkan bagi menambah dan meningkatkan lagi kesedaran ibu bapa atau penjaga tentang pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan dadah dan isu-isu keselamatan dalam negeri.

Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Rabu, 23 Ogos. - Ibu bapa memainkan peranan penting untuk mengawasi anak masing-masing agar tidak terjerumus dengan perangkap dadah dan isu-isu keselamatan dalam negeri.

Justeru Cawangan Penerangan daerah ini dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan

Keselamatan Dalam Negeri (JKDN), Pejabat Peguam Negara (PPN) serta Majlis Perundingan Tanjong Maya, Tutong mengadakan Program Awasi Anak Kitani bertempat di Kemasyarakatan, Kampung Tanjong Maya, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi program tersebut ialah Ahli

Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, Penghulu Mukim Tanjong Maya.

Juga hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar; pegawai kanan Jabatan Penerangan; BKN; JKDN; PPN serta penduduk di bawah mukim berkenaan.

Dalam ucapan Pemangku

Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Hajah Rabi'atul'adawiyah binti Haji A. Ahmad selaku Pengerusi Jawatankuasa Program Awasi Anak Kitani, antara lain menjelaskan bahawa program tersebut adalah salah satu aktiviti tahunan Jabatan Penerangan yang dirancang untuk diadakan di mukim-mukim di seluruh negara secara berterusan bagi memberi kefahaman kepada masyarakat

## Pelihara khazanah dan identiti negara



TAKLIMAT disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad mengenai bendera negara dan lagu kebangsaan kepada pelajar Sekolah Menengah Awang Semaun.



GURU Kanan CCA Sekolah Menengah Awang Semaun, Awang Zainuddin bin Haji Tunggal semasa ditemu bual.



DAYANG Nor Wardina binti Rosman, pelajar Tahun 10A, Sekolah Menengah Awang Semaun semasa ditemu bual.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Muhammad Asri Haji Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 23 Ogos. - Bendera Negara Brunei Darussalam serta Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' itu merupakan antara khazanah dan identiti negara kita yang harus kita pertahankan dan semai dalam hati setiap rakyat dan penduduk di negara ini.

Kita selaku anak watan yang bernaung di bumi bertuah ini semestinya sama-sama

bertanggungjawab dan menjaganya terutama memupuk generasi muda sebagai penyambung warisan pada masa hadapan.

Dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan meneruskan sesi Taklimat Kenegaraan, iaitu Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara

Brunei Darussalam di Sekolah Menengah Awang Semaun.

Seramai 150 penuntut sekolah berkenaan hadir memperdengarkan taklimat yang disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad yang antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik dan mengibarkan bendera, sejarah lagu kebangsaan dengan terperinci.

Guru Kanan CCA sekolah itu, Awang Zainuddin bin Haji Tunggal semasa ditemu bual Pelita Brunei berkata, inisiatif taklimat seumpama itu sangat berinformatif

terutama dalam membarigakan para penuntut yang baru melangkah ke sekolah menengah untuk sama-sama menghormati bendera dan lagu kebangsaan kita sendiri.

Taklimat itu juga katanya, sangat bermanfaat kepada para tenaga pengajar untuk sama mengingatkan para pelajar mengenai tatacara yang betul dari semasa ke semasa.

Sementara salah seorang penuntut Tahun 10A, Dayang Norwardina binti Rosman juga menyatakan, langkah Jabatan Penerangan itu amat bertepatan

dan seterusnya akan sama-sama berpesan dan menegur pelajar lain sekiranya ada kesilapan mereka dalam tatacara yang kurang betul.

Manakala Pegawai Luar Penerangan, Pengiran Emran bin Pengiran Haji Salleh selanjutnya menjelaskan inisiatif taklimat tersebut akan dilanjutkan di Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali pada 28 Ogos nanti.

Tambahnya, pembarigaan taklimat itu juga akan diadakan termasuk enam buah sekolah swasta dalam bulan September depan.

# Atlet wushu pulang bawa kejayaan



Oleh : Aimi Sani  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil mengalu-alukan kepulangan atlet wushu yang berjaya membawa 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa di Sukan SEA Ke-29, Kuala Lumpur, Malaysia.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 Ogos. - Pasukan wushu yang terdiri daripada lapan pegawai dan atlet telah pulang ke tanah air selepas bertanding di Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-29, Kuala Lumpur, Malaysia.

Hadir menyambut ketibaan kontinjen negara di Ruang Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas, di sini dan seterusnya mengalungkan sesandang serta memberikan ucapan tahniah ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Dayang Hajah

Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil berserta pegawai-pegawai kanan KKBS.

Atlet sukan wushu negara telah berjaya membawa pulang satu pingat perak melalui Basma Lachkar bagi Acara Women's Taijiquan dengan mengutip 9.54 mata setelah tewas kepada pemenang pingat emas, Agatha Chrystenzen Wong dari Republik Filipina yang mengutip 9.66 mata.

Sementara itu, Awang Md. Sufi Shayiran bin Roslan pula berjaya meraih satu pingat gangsa bagi Acara Men's Nanquan dengan memperoleh 9.65 mata setelah

tumpas kepada atlet negara tuan rumah, Ho Mun Hua yang memenangi pingat emas dengan mendapat 9.67 mata dan atlet Viet Nam, Phan Quoc Khanh yang berjaya memperoleh pingat perak dengan kutipan mata 9.66.

Basma Lachkar ketika ditemui Pelita Brunei berkata, itu adalah merupakan kali pertama beliau menyertai Sukan SEA dan tidak menyangka akan mendapat pingat perak.

"Saya telah menjalani latihan di China selama sebulan sebelum kejohanan ini berlangsung, di samping latihan di dalam negara. Saya amat berterima kasih kepada

jurulatih, kedua ibu bapa saya dan semua yang terlibat.

Saya akan terus berusaha dengan lebih gigih pada masa akan datang," terangnya.

Manakala bagi Awang Md. Sufi Shayiran pula menjelaskan, itu adalah merupakan kali ketiga

beliau menyertai Sukan SEA.

"Saya berasa sedikit kecewa namun ini sedikit pun tidak akan mematahkan semangat saya untuk terus bekerja keras dalam mempersiapkan diri untuk Sukan SEA akan datang," ujarnya.

## Pasukan karate bawa pulang 1 pingat gangsa



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad mengalungkan sesandang dan memberikan ucapan tahniah kepada kontinjen negara.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 25 Ogos. - Pasukan Karate Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada 10 pegawai dan atlet kembali ke tanah air selepas bertanding di Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-29 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Hadir bagi menyambut ketibaan kontinjen negara di Ruang Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

(KKBS), Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad dan para pegawai kanan KKBS.

Beliau seterusnya mengalungkan sesandang dan memberikan ucapan tahniah kepada kontinjen negara.

Pasukan karate negara berjaya meraih 1 pingat gangsa bersama pasukan Indonesia melalui Acara Kata Wanita Berpasukan selepas tewas 5-0 di peringkat separuh akhir menentang pasukan Viet Nam.

Sementara pingat emas diraih oleh pasukan Viet Nam setelah menewaskan pasukan tuan rumah 3-2 menjadikan pasukan Malaysia pemenang pingat perak.

Atlet Kata Wanita Berpasukan terdiri daripada Dayang Amirah Syahidah binti Abdul Rahim, Dayang Afa Bazilah binti Abdul Razak dan Dayang Wahidah binti Kamarul Zaman.

Dayang Amirah Syahidah ketika ditemui berkata, mereka berasa gembira dan bersyukur kerana berjaya membawa pulang pingat sekali gus mengharumkan lagi nama negara.

"Saingan yang sengit dari pasukan lawan membuatkan kami berasa gementar, namun demi negara, kami sedaya upaya melawan perasaan tersebut dan membuat yang terbaik," ujarnya.

Beliau juga berharap akan dapat menyertai lagi perlawanan Sukan SEA pada masa akan datang.



## Langkah skuad golf negara terhenti



Berita dan Foto :  
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

KUALA LUMPUR, Jumaat, 25 Ogos. - Skuad golf negara gagal

menempah slot ke separuh akhir selepas tewas 2 - 1 di tangan pasukan Thailand dalam perlawanan suku akhir pada Kategori Golf Berpasukan yang berlangsung di Kelab Golf The Mines, Kuala Lumpur.

Atlet golf berpasukan negara diwakili oleh Qawim Fakhri bin Haji Aslimon, Qazri Fakhri bin Haji Aslimon, Lai Suan Long dan Awangku Md. Syakir bin Pengiran Ali.

Kekalahan tersebut telah menghalang impian pasukan golf negara untuk beraksi dalam saingan separuh akhir, manakala Thailand, Indonesia, Filipina dan Singapura mara ke saingan separuh akhir selepas masing-masing melakar kemenangan.



AKSI atlet golf negara dalam perlawanan suku akhir pada Kategori Golf Berpasukan yang berlangsung di Kelab Golf The Mines, Kuala Lumpur.



## Muhammad Noor Firdaus Ar-Rasyid baiki rekod peribadi

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Azmah Haji Ahad



MUHAMMAD Noor Firdaus Ar-Rasyid (tengah) ketika bertanding pada Acara Olahraga 200M Lelaki akhir.



**KUALA LUMPUR, Rabu, 23 Ogos.** - Pujian seharusnya diberikan kepada atlet pelari pecut negara, Muhammad Noor Firdaus Ar-Rasyid apabila berjaya melayakkan diri ke final bagi Acara 200 Meter meskipun kecewa menyumbang pingat di Stadium Nasional Bukit Jalil, di sini.

Penglibatannya buat pertama kali di temasya Sukan SEA itu agak memberangsangkan lebih-lebih lagi pencapaian pemuda berusia 20 tahun itu berjaya memperbaiki rekod pencapaian peribadinya 21.39 saat pada saringan pertama separuh akhir berbanding 21.64 saat pada Perlumbaan Terbuka Malaysia tahun lalu.

Prestasi beliau pada final malam tersebut agak tersasar

sedikit dengan catatan masa 21.45 saat dalam kedudukan kelima dari tujuh peserta.

Acara akhir itu menyaksikan peserta Filipina, Anthony Beram memperbaiki catatan masa 20.84 saat sekali gus merangkul emas setelah mengetepikan pelari Thailand, Jirapong Meenapra di tempat kedua dan tuan rumah memperoleh gangsa melalui Thevarr Gunasegaran.

Sementara pemenang pingat emas 100m, Khairul Hafiz Jantan dari Malaysia hanya mampu di tangga keempat.

Walaupun gagal menempatkan diri di podium, namun Muhammad Noor Firdaus Ar-Rasyid berserta pelari pecut negara lain perlu digilap potensi mereka untuk terus lebih bersinar di persada arena antarabangsa.

Beliau ketika ditemui merakamkan rasa syukur dan gembira kerana berjaya melayakkan diri ke pusingan akhir Acara 200M.

Dirinya berharap untuk melakukan yang terbaik di Acara 4 x 100M dan mencuba untuk sekurang-kurangnya mendapatkan pingat gangsa pada 25 Ogos ini.

"Harapan saya seterusnya adalah untuk meneruskan lagi bertanding ke peringkat yang lebih tinggi seperti Asian Games dan Olimpik, InsyaaAllah," tambahnya lagi.

## Kuartet 4x100 meter perbaiki rekod kebangsaan

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin



SALAH seorang kuartet negara bersaing dalam Acara Lari Berganti-Ganti 4 x 100 Meter yang berlangsung di Stadium Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

**KUALA LUMPUR, Jumaat, 25 Ogos.** - Kuartet negara, Abdul Rahim Abdullah, Md. Faizul Abdullah, Md. Noor Firdaus Ar-Rasyid Haji Idris dan Md. Fakhri Ismail yang bersaing dalam Acara Lari Berganti-Ganti 4 x 100 Meter telah menamatkan perlumbaan di kedudukan kelima yang berlangsung di Stadium Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Dengan catatan masa 40.21

saat, kuartet negara telah memecahkan catatan rekod kebangsaan, iaitu 40.92 saat.

Pingat emas dimenangi kuartet dari Thailand dengan catatan masa 38.90 saat sekali gus mencipta rekod baharu Sukan SEA, yang mana sebelum ini ialah 38.95 saat juga dipegang kuartet dari Thailand pada Sukan SEA Ke-28 di Nakhon Natchasima.

Pingat perak pula menjadi milik



Indonesia dengan catatan masa 39.05 saat sementara pingat gangsa diraih kuartet dari Filipina dengan catatan masa 39.11 saat.

Jurulatih Olahraga, Awang Muhd. Shahjohan bin Haji Shari ketika ditemu bual berasa syukur kerana pasukan olahraga negara sekali lagi berjaya memecah rekod kebangsaan yang menurutnya sangat jauh daripada catatan rekod yang lama.

"InsyaaAllah, semoga mereka ini diserap masuk bagi menyertai kejohanan - kejohanan antarabangsa yang mendatang terutama Asian Games dan kejohanan-kejohanan yang lebih bertaraf antarabangsa seperti Olimpik selepas ini," tambahnya lagi.

Beliau seterusnya memuji semangat jitu dan kesefahaman di antara pihak persekutuan olahraga, pihak kejurulatihan dan juga para atlet yang menunjukkan usaha mereka yang terbaik sehingga ini.

## Quadrant sepak takraw negara kecewa

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Azmah Haji Ahad

**KUALA LUMPUR, Rabu, 23 Ogos.** - Skuad sepak takraw negara kalah kepada Myanmar setelah turun beraksi bagi Acara Quadrant (Regu Empat Pemain) yang mula diperkenalkan oleh Malaysia tahun ini dan dipertandingkan di Sukan SEA Kuala Lumpur bertempat di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur, di sini.

Quadrant negara yang dibarisi oleh Ismail Ang, Jamaluddin Haji Marzi, Alifudin Jamaluddin dan Bashirudin Haji Kamis kecewa kepada Quadrant dari Myanmar dengan kiraan 2 - 0.

Set pertama menyaksikan Quadrant negara memberikan saingan yang hebat kepada

Quadrant Myanmar, namun tersungkur dengan kiraan 21 - 19, manakala set kedua pula Quadrant negara didominasi dengan mudah oleh pasukan lawan dengan kiraan 21 - 9.

Manakala pada perlawanan yang berlangsung petang tersebut menyaksikan Quadrant sepak takraw negara sekali lagi

dikalahkan dengan kiraan *straight set* 2 - 0 di tangan Quadrant tuan rumah, Malaysia.

Sama seperti acara sepak takraw yang lain, acara Quadrant menggunakan peraturan yang sama, bezanya, sesiapa sahaja dalam kalangan empat pemain boleh menjadi Tekong, Feeder mahupun Killer.



AKSI mematikan bola oleh pemain negara (jersi kuning) yang dihadang oleh pemain Myanmar (jersi hijau).



# Sukan

## INFO SUKAN

NEGARA Brunei Darussalam meraih 7 pingat keseluruhan pada temasya Sukan SEA Ke-28 di Singapura pada tahun 2015. Pingat perak diraih melalui acara taekwando manakala sukan sepak takraw dan wushu masing-masing menyumbang 2 pingat gangsa dan 1 pingat gangsa diraih melalui bola jaring dan pencak silat.



ePaper Pelita Brunei

# Skuad bola sepak gagal raih mata



FAIQ Jefri Bolkiah cuba mengelak daripada halangan pihak lawan.

**SELANGOR**, Rabu, 23 Ogos. - Skuad bola sepak negara hanya mampu mengisi tangga paling bawah Kumpulan 'A' pada acara bola sepak Sukan SEA dengan kekalahan 1 - 0 pada perlawanan terakhir menentang pasukan

Singapura di Stadium Majlis Perbandaran Selayang, Selangor, di sini. Kekalahan keempat itu bererti tiada sebarang mata dikutip di sebalik mengharap seri pada pertemuan bersama pasukan



**KUALA LUMPUR 2017**  
29<sup>TH</sup> SEA GAMES



Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

Singapura tersebut. Skuad kendalian Jurulatih, Kwon Oh Son pada perlawanan pembukaan tirai kecondang 2 - 1 pada Malaysia; kalah 6 - 0 pada Myanmar dan dijinakkan 3 - 0 oleh Laos. Skuad negara harus akur mengisi kedudukan paling bawah, manakala Malaysia mengisi tempat teratas setelah memenangi semua perlawanan.

Skuad negara terpaksa menerima kekalahan, walaupun terikat 0 - 0 pada babak masa pertama sambil menyaksikan kedua-dua pasukan bergelut untuk menyumbat gol ke gawang lawan masing-masing. Namun pada babak kedua, berlaku sedikit kekeliruan di hadapan petak gol apabila Singapura mengasak pertahanan gawang Brunei dan Md. Khalid

Wassadiallah bin Haji Mahmud telah menghadiahkan gol percuma kepada lawan pada minit yang ke-75. Gol itu menggembirakan pasukan Singapura yang banyak menguasai permainan di babak kedua dan keputusan 0 - 1 itu memusnahkan harapan anak didik Kwon Oh Son untuk sekurang-kurangnya membawa pulang satu mata.



# Boling padang hadiahkan perak buat negara

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Azmah Haji Ahad

**KUALA LUMPUR**, Jumaat, 25 Ogos. - Atlet trio boling padang telah menghadiahkan satu pingat perak buat negara setelah pungutan perak pertama daripada peserta wushu wanita menerusi Acara Tanjiquan pada 22 Ogos yang lalu. Barisan atlet trio veteran boling

padang, iaitu Awang Haji Naim bin Ibrahim, Pengiran Haji Tengah bin Pengiran Haji Tajuddin dan Ampuan Ahad bin Ampuan Kassim yang berjaya mara ke peringkat final bagi Acara Men's Triples terpaksa akur kepada peserta tuan rumah, Malaysia dengan keputusan berkesudahan 19 - 9 mata, bertempat di Pusat Boling Padang Kebangsaan, Bukit Kiara.

Haji Naim mempersempahkan permainan yang bagus, namun skuad negara masih tidak dapat memenangi pertandingan tersebut setelah ketinggalan jarak mata yang jauh dengan berbaki dua ends saja lagi," tambah beliau. Manakala Ampuan Ahad seterusnya merafakkan rasa

syukur setelah berjaya meraih pingat perak kedua bagi Negara Brunei Darussalam pada temasya Sukan SEA Ke-29. Dengan tambahan pingat perak buat negara itu, Brunei Darussalam kekal di kedudukan ke-9 dengan 2 perak dan 7 gangsa.

## Tahukah Awda

**JABATAN** Perkhidmatan Awam (JPA) pada mulanya dikenali dengan nama Pejabat Perjawatan ditubuhkan pada 1 Julai 1971 sebagai salah satu bahagian di Pejabat Setiausaha Kerajaan dengan diketuai oleh seorang Pegawai Perjawatan. Tugas utama Pejabat ini ialah mengendalikan serta menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan Pentadbiran Kakitangan dalam Perkhidmatan Awam. Nama Pejabat Perjawatan telah ditukar kepada Jabatan Perkhidmatan Awam pada 1 Mei 1993 dan diketuai oleh seorang Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Perubahan gelaran ini dibuat bagi mencerminkan lagi peranan dan skop Jabatan sebagai agensi pusat dalam hal ehwal pengurusan dan perkembangan tenaga manusia bagi Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam. **SUMBER:** Laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Awam <http://www.psd.gov.bn/Theme/Home.aspx>.



KONTINJEN negara berjaya menambah kutipan pingat perak menerusi boling padang dalam Acara Men's Triples menerusi trio veteran, Awang Haji Naim bin Ibrahim (kanan), Pengiran Haji Tengah bin Pengiran Haji Tajuddin (tengah) dan Ampuan Ahad bin Ampuan Kassim (kiri).

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**BELIA CEMERLANG MEMBANGUN, MEMAJUKAN NEGARA, RELA BERKORBAN**

دربیتکن اوله جباتن فراعن، جباتن فردان منتري دان دجيتق اوله جباتن فرچيتقن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.